(A/25118) - Perwakilan Kawasan Indera Mahkota 1.

Penyokong:

Encik Rumlan bin Ismail,
(A/18877) - Perwakilan Kawasan Indera Mahkota 1.

- iv. Encik Mohd Razali bin Abdul Karim,
(A/29072) - Perwakilan Kawasan Indera Mahkota 2.

Pencadang:

Encik Muhamad Amin bin Abu Bakar,
(A/26919) - Perwakilan Kawasan Indera Mahkota 2.

Penyokong:

Puan Harlina binti Haji Ahmad,
(A/19037) - Perwakilan Kawasan Indera Mahkota 2.

- v. Encik Mohd Asri bin Abd Ghani,
(A/27924) - Perwakilan Kawasan Indera Mahkota 2.

Pencadang:

Encik Mohd Ludin bin Botok,
(A/19417) - Perwakilan Kawasan Indera Mahkota 2.

Penyokong:

Puan Eryana binti Mohd Taib,
(A/29495) - Perwakilan Kawasan Indera Mahkota 2.

- vi. Encik Mohd Jais bin Sudin,
(A/26166) - Perwakilan Kawasan Bera.

Pencadang:

Encik Mohamad Suhaimi bin Ismail,
(A/22028) - Perwakilan Kawasan Bera.

Penyokong:
Encik Shaari bin Jalil,
(A/24600) - Perwakilan Kawasan Bera.

- vii. Encik Mohd Zailani bin Md Dak,
(A/26341) - Perwakilan Kawasan Gambang.

Pencadang:
Encik Yazrisham bin Kadir,
(A/26907) - Perwakilan Kawasan Gambang.

Penyokong:
Puan Juliana binti Abdullah,
(A/30677) - Perwakilan Kawasan Gambang.

- 7.3.2 Setiausaha Lembaga, Encik Nazri bin Abd Rahman membuka kepada sidang mesyuarat sama ada bersetuju menerima atau tidak menerima nama-nama calon berserta pencadang dan penyokong.

- 7.3.3 Encik Ismail bin Azmin,
(A/25481) – Perwakilan Kawasan Pekan :

Mencadangkan senarai nama calon ALK, pencadang dan penyokong seperti di para 7.3.1 diterima.

- 7.3.4 Encik Roslan bin Omar,
(A/25574) – Perwakilan Kawasan Temerloh 1:

Menyokong cadangan yang telah dimaklumkan di para 7.3.3.

- 7.3.5 Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-35 sebulat suara (136 undi) bersetuju menerima senarai calon ALK sebagaimana yang telah dimaklumkan di para 7.3.1.

- 7.4 Penerangan dan Penjelasan oleh Pengurusan KPKP Bagi Proses Pengundian Calon ALK :

Pegawai Teknologi Maklumat, Encik Mohd Suhaimi bin Mohd Yusof memaklumkan kepada para perwakilan bahawa pengundian calon ALK adalah dengan menggunakan komputer tablet yang telah disediakan. Para perwakilan perlu memasukkan nombor kad pengenalan serta memilih 4 orang calon daripada 7 orang calon ALK serta menekan butang hantar bagi memastikan undian berjaya.

7.5 KEPUTUSAN MESYUARAT :

Pengerusi Mesyuarat memaklumkan keputusan pengundian mengikut susunan undian tertinggi seperti berikut :

7.5.1 Keputusan Undian :

- i. Encik Ra`Azmi bin Ithnin
(A/17119) – 121 undi.
- ii. Tuan Haji Mohd Mohd Azman bin Ibrahim @ A. Ghani
(A/27869) – 115 undi.
- iii. Tuan Haji Mohd Ali bin Abdullah
(A/24642) – 86 undi.
- iv. Encik Mohd Asri bin Abd Ghani
(A/27924) – 72 undi.
- v. Encik Mohd Razali bin Abdul Karim
(A/29072) – 65 undi.
- vi. Encik Mohd Jais bin Sudin
(A/26166) – 63 undi.
- vii. Encik Mohd Zailani bin Md Dak
(A/26341) – 22 undi.

7.5.2 Empat Calon dengan undian tertinggi bagi mengisi kekosongan ALK :

- i. Encik Ra`Azmi bin Ithnin
(A/17119) – 121 undi.
- ii. Tuan Haji Mohd Mohd Azman bin Ibrahim @ A. Ghani
(A/27869) – 115 undi.
- iii. Tuan Haji Mohd Ali bin Abdullah
(A/24642) – 86 undi.
- iv. Encik Mohd Asri bin Abd Ghani
(A/27924) – 72 undi.

7.6 Pengisytiharan Pengerusi Mesyuarat :

Pengerusi Mesyuarat mengisytiharkan keputusan mesyuarat bagi Perkara 7 (Agenda 5) diterima seperti di para 7.5.2.

PERKARA 8 (AGENDA 6) :

8. MENIMBANG DAN MELULUSKAN ANGGARAN BELANJAWAN TAHUNAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2025 DAN KEBENARAN PERBELANJAAN MELEBIHI 5% DALAM TAHUN 2023 :

8.1 Bendahari, Encik Halim bin Ahmad membentangkan Anggaran Belanjawan Tahunan Kewangan 2025 sebagaimana Kertas Mesyuarat Bilangan 7.

8.1.1 Encik Roslan bin Omar,
(A/25574) – Perwakilan Kawasan Temerloh 1 :

Mencadangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 7, Anggaran Belanjawan Tahunan Kewangan Tahun 2025 diterima.

8.1.2 Encik Ahmad Faizal bin Mat Deris,
(A/31212) – Perwakilan Kawasan Temerloh:

Menyokong cadangan yang telah dimaklumkan di para 8.1.1.

8.2 Bendahari, Encik Halim bin Ahmad membentangkan Permohonan Kebenaran Perbelanjaan Melebihi 5% Tahun 2023 serta memaklumkan terdapat beberapa item yang telah dibuat pindahan peruntukan dengan menggunakan vot dalam kumpulan yang sama dengan kelulusan daripada ALK sebagaimana Kertas Mesyuarat Bilangan 8.

8.2.1 Encik Ahmad Faizal bin Mat Deris,
(A/31212) – Perwakilan Kawasan Temerloh :

Mencadangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 8, Permohonan Kebenaran Perbelanjaan Melebihi 5% Tahun 2023 diterima.

8.2.2 Encik Apandi bin Ahmad,
(A/24649) – Perwakilan Kawasan Rompin:

Menyokong cadangan yang telah dimaklumkan di para 8.2.1.

8.3 KEPUTUSAN MESYUARAT :

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-35 sebulat suara (136 undi) bersetuju menerima dan meluluskan Kertas Mesyuarat Bilangan 7 iaitu Anggaran Belanjawan Tahunan Bagi Tahun 2025 dan Kertas Mesyuarat Bilangan 8 iaitu Permohonan Kebenaran Perbelanjaan Melebihi 5% Tahun 2023.

8.4 Pengisytiharan Timbalan Pengerusi Mesyuarat :

Mengisytiharkan keputusan mesyuarat bagi Perkara 8 (Agenda 6) diterima.

PERKARA 9 (AGENDA 7) :

9. MELULUSKAN PELANTIKAN SUATU PANEL YANG TERDIRI DARIPADA TIDAK KURANG DUA FIRMA AUDIT UNTUK MENGAUDIT AKAUN-AKAUN:

9.1 Anggota Lembaga, Tuan Haji Mohd Rosdi bin Abd Halim membentangkan Senarai Panel Juruaudit Untuk Mengaudit Akaun-Akaun Koperasi Bagi Tahun 2024 sebagaimana Kertas Mesyuarat Bilangan 9.

9.1.1 Senarai Panel Juruaudit :

- i. Mohamed Asri & Co.
- ii. Norilla & Associates.
- iii. Kamarulzaman & Associates.
- iv. Wan Nadzir & Co.

9.1.2 Encik Apandi bin Ahmad,
(A/24649) – Perwakilan Kawasan Rompin :

Mencadangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 9, Senarai Panel Juruaudit Untuk Mengaudit Akaun-Akaun Koperasi Bagi Tahun 2024 diterima.

9.1.3 Encik Mohd Shafiq bin Mahmood,
(A/30755) – Perwakilan Kawasan Rompin :

Menyokong cadangan yang telah dimaklumkan di para 9.1.2.

9.2 KEPUTUSAN MESYUARAT :

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-35 sebulat suara (136 undi) bersetuju menerima dan meluluskan Senarai Panel Juruaudit Untuk Mengaudit Akaun-Akaun Koperasi Bagi Tahun 2024 sebagaimana Kertas Mesyuarat Bilangan 9.

9.3 Pengisytiharan Timbalan Pengerusi Mesyuarat :

Mengisytiharkan keputusan mesyuarat bagi Perkara 9 (Agenda 7) diterima.

PERKARA 10 (AGENDA 8) :

10. MENIMBANG DAN MELULUSKAN SKOP DAN HAD PELABURAN YANG DIBIYAI OLEH WANG BERLEBIHAN KOPERASI :

10.1 Anggota Lembaga, Encik Ra`Azmi bin Ithnin membentangkan Skop dan Had Pelaburan Bagi Tahun 2025 sebagaimana Kertas Mesyuarat Bilangan 10.

10.1.1 Encik Ismayudin bin Zainuddin,
(A/25960) – Perwakilan Kawasan Raub :

Mencadangkan agenda Skop dan Had Pelaburan Bagi Tahun 2025 sebagaimana Kertas Mesyuarat Bilangan 10 diterima.

10.1.2 Encik Fairusdzuddin bin Ismail,
(A/25059) – Perwakilan Kawasan Kuantan 4:

Menyokong cadangan yang telah dimaklumkan di para 10.1.1.

10.2 KEPUTUSAN MESYUARAT :

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-35 sebulat suara (136 undi) bersetuju menerima dan meluluskan Skop dan Had Pelaburan Bagi Tahun 2025 sebagaimana Kertas Mesyuarat Bilangan 10.

10.3 Pengisytiharan Timbalan Pengerusi Mesyuarat :

Mengisytiharkan keputusan mesyuarat bagi Perkara 10 (Agenda 8) diterima.

PERKARA 11 (AGENDA 9) :

11. MENENTUKAN HAD MAKSIMA KETERHUTANGAN BAGI TAHUN 2025:

11.1 Anggota Lembaga, Tuan Haji Mohd Azman bin Ibrahim @ A. Ghani membentangkan Had Maksima Keterhutangan Bagi Tahun 2025 sebagaimana Kertas Mesyuarat Bilangan 11.

11.1.1 Encik Mohd Shafiq bin Mahmood,
(A/30755) – Perwakilan Kawasan Rompin :

Mencadangkan agenda Had Maksima Keterhutangan Bagi Tahun 2025 sebagaimana Kertas Mesyuarat Bilangan 11 diterima.

11.1.2 Encik Apandi bin Ahmad,
(A/24649) – Perwakilan Kawasan Rompin :

Menyokong cadangan yang telah dimaklumkan di para 11.1.1.

11.2 KEPUTUSAN MESYUARAT :

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-35 sebulat suara (136 undi) bersetuju menerima dan meluluskan Kertas Menentukan Had Maksimum Keterhutangan Bagi Tahun 2025 sebagaimana Kertas Mesyuarat Bilangan 11.

11.3 Pengisytiharan Timbalan Pengerusi Mesyuarat :

Mengisytiharkan keputusan mesyuarat bagi Perkara 11 (Agenda 9) diterima.

PERKARA 12 (AGENDA 10) :

12. MENDENGAR, MENIMBANG DAN MEMUTUSKAN APA-APA URUSAN LAIN KOPERASI YANG SUATU NOTIS TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH HARI TELAH DIBERIKAN :

12.1 Anggota Lembaga, Encik Mohd Zulhaili bin Mansor membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 13 iaitu Mendengar, Menimbang Dan Memutuskan Apa-Apa Urusan Lain Koperasi Yang Suatu Notis Tidak Kurang Daripada Tujuh Hari Telah Diberikan.

Beliau memaklumkan bahawa ALK telah menerima usul daripada perwakilan kawasan Kuantan 1, Kuantan 2, Kuantan 4, Gambang dan Beserah. Setelah penelitian terhadap usul yang diterima adalah lebih kepada cadangan yang perlu dibuat kajian di peringkat Pengurusan KPKP. ALK telah menyediakan maklum balas terhadap cadangan tersebut sebagaimana di dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 13.

Beliau turut memaklumkan bahawa terdapat satu usul daripada ALK iaitu mengenai pembangunan stesen minyak kedua, perkara tersebut telah dibentangkan kepada para perwakilan semasa perjumpaan Majlis Penerangan Kawasan pada tarikh 01 Jun 2024 dan 02 Jun 2024 seterusnya dibuka kepada mesyuarat untuk menerima atau sebaliknya.

12.1.1 Encik Ismayudin bin Zainuddin,
(A/25960) – Perwakilan Kawasan Raub :

Mencadangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 13 iaitu Mendengar, Menimbang Dan Memutuskan Apa-Apa Urusan Lain Koperasi Yang Suatu Notis Tidak Kurang Daripada Tujuh Hari Telah Diberikan diterima.

12.1.2 Encik Zamri bin Mohd Dzafri,
(A/23758) – Perwakilan Kawasan Raub:

Menyokong cadangan yang telah dimaklumkan di para 12.1.1.

12.1.3 Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-35 sebulat suara (136 undi) bersetuju dengan cadangan yang telah dimaklumkan di para 12.1.1.

12.2 KEPUTUSAN MESYUARAT :

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-35 sebulat suara (136 undi) bersetuju menerima dan meluluskan Kertas Mesyuarat Bilangan 13 iaitu Mendengar, Menimbang Dan Memutuskan Apa-Apa Urusan Lain Koperasi Yang Suatu Notis Tidak Kurang Daripada Tujuh Hari Telah Diberikan.

12.3 Pengisytiharan Pengerusi Mesyuarat :

Mengisytiharkan keputusan mesyuarat bagi Perkara 12 (Agenda 10) diterima.

PERKARA 13 (AGENDA 11) :

13. PENANGGUHAN MESYUARAT :

Pengerusi Mesyuarat mengisytiharkan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-35 ditangguhkan secara rasminya pada pukul 12.50 tengah hari serta mengucapkan terima kasih kepada semua para perwakilan kerana telah memberikan kerjasama sepenuhnya bagi melancarkan perjalanan mesyuarat. Beliau dan timbalannya memohon maaf sekiranya terdapat kekurangan dan terkasar bahasa sepanjang mengendalikan mesyuarat.

Disediakan Oleh :



NAZRI BIN ABD RAHMAN
Setiausaha Lembaga
Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan
Negeri Pahang Darul Makmur Berhad

Fail No : KPKP.PHG-23/81-20
Bertarikh : 22 Jun 2024
Bertempat : Hotel Copthorne Cameron Highlands, Pahang Darul Makmur.

KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR BERHAD



SIJIL PENGESAHAN JAWATANKUASA MENENTUSAH
DERAF MINIT MESYUARAT AGUNG
PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE-35

Kami yang bertandatangan di bawah ini mengakui bahawa kami telah menyemak Deraf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-35 dan mengesahkan mengikut pengetahuan kami, Deraf Minit berkenaan telah disediakan sebagaimana yang sewajarnya.

01. **EN. SAIFUL ANUAR BIN ABU**
Pengerusi

02. **EN. HALIM BIN AHMAD**
Setiausaha

03. **TN. HAJI MOHD ROSDI BIN ABD HALIM**
Anggota Jawatankuasa

04. **EN. MOHD ZULHAILI BIN MANSOR**
Anggota Jawatankuasa

05. **PN. HIDAYAH BINTI YUSOF**
Anggota Jawatankuasa

06. **EN. SYED MOKHTAR BIN SYED MUSTAFAR**
Anggota Jawatankuasa

07. **EN. MUHAMMAD FADZIL BIN MD DIN**
Anggota Jawatankuasa

08. **EN. ZAINAL ABIDIN BIN MOHD ALI**
Anggota Jawatankuasa

09. **EN. APANDI BIN AHMAD**
Anggota Jawatankuasa

10. **EN. ZAMRI BIN MOHD DZAFRI**
Anggota Jawatankuasa



**MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN
TAHUNAN KALI KE 36**

KERTAS BILANGAN 3

Laporan Tahunan Lembaga
2024/2025

28 JUN 2025
GEO RESORT & HOTEL
GENTING HIGHLANDS

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR BERHAD**

LAPORAN LEMBAGA BAGI TAHUN 2024/2025

Assalamualaikum wbt.,

Lembaga Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur Berhad (KPKP) dengan sukacitanya membentangkan laporannya bagi tempoh Julai 2024 hingga Mei 2025 selaras dengan Fasal 32(1)(b) Undang-undang Kecil Koperasi ini untuk makluman dan pertimbangan para perwakilan sekalian.


1. KEGIATAN UTAMA

Sepanjang tempoh laporan ini, kegiatan pembiayaan tunai dan kredit pengguna terus dikekalkan sebagai aktiviti utama KPKP disamping perkhidmatan Stesen Minyak dan Kedai Mesra Petronas di Temerloh serta Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu) di Kuantan, Jerantut dan Bandar Pusat Jengka, Maran. Selain daripada aktiviti perladangan kelapa sawit dan kelapa matag yang diusahakan secara pajakan, KPKP juga menjalankan aktiviti perhotelan.

2. PRESTASI KEWANGAN


Pendapatan

Bagi tahun 2024, KPKP telah memperolehi pendapatan sebanyak RM23.7 juta berbanding RM21.5 juta yang diperolehi pada tahun 2023 iaitu peningkatan sebanyak 10%. Peningkatan pendapatan banyak disumbangkan oleh aktiviti-aktiviti perniagaan KPKP dan sumbangan terbesar adalah dari Stesen Minyak dan Kedai Mesra iaitu berjumlah RM14.9 juta, peningkatan sebanyak RM2 juta berbanding tahun 2023.



Keuntungan


Keuntungan bersih KPKP bagi tahun 2024 adalah sebanyak RM4.4 juta berbanding RM3.4 juta pada tahun 2023 yang membawa kepada peningkatan sebanyak 29% sebagai perbandingan untuk dua tahun tersebut.




Ar-Rahnu menjadi penyumbang utama keuntungan bagi aktiviti perniagaan iaitu sebanyak RM2,521,578 diikuti Stesen Minyak sebanyak RM318,949 dan Hotel sebanyak RM236,838. Bagi tahun 2024 juga, Ibu Pejabat menyumbang sebanyak RM1,317,950 daripada keseluruhan keuntungan KPKP yang merangkumi aktiviti pembiayaan kredit dan pelaburan.

Kumpulan Wang Modal Anggota

Modal syer anggota yang terkumpul sehingga akhir 2024 meningkat sebanyak 3% iaitu daripada RM15.46 juta kepada RM15.91 juta. Peningkatan ini adalah bukti sokongan anggota yang bersara untuk terus menyambung keanggotaan mereka secara bersaham yang turut menukarkan yuran terkumpul mereka kepada modal saham.




Modal yuran pula menyusut 2.5% iaitu daripada RM42.46 juta kepada RM41.41 juta. Penyusutan ini adalah lebih menjurus kepada pemindahan modal yuran tersebut kepada modal syer bagi anggota yang bersara dalam perkhidmatan tetapi memilih untuk meneruskan keanggotaan mereka sebagai anggota bersaham dengan KPKP.



Aset

Jumlah aset KPKP meningkat sebanyak 0.8% dalam tahun 2024 iaitu daripada RM105.5 juta kepada RM106.4 juta. Peningkatan aset adalah lebih kepada aktiviti Ar-Rahnu di mana permintaan untuk pembiayaan Ar-Rahnu meningkat begitu ketara sekali iaitu sebanyak 14% sebagai perbandingan untuk dua tahun tersebut.



3. PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN KPKP

Sesi 2024/2025 memperlihatkan 12 orang Anggota Lembaga Koperasi (ALK) masih kekal seperti sesi sebelumnya. Mereka adalah seperti berikut:

Pengerusi	-	Encik Saiful Anuar bin Abu
Naib Pengerusi	-	Tuan Haji Mohd Azman bin Ibrahim @ A. Ghani
Setiausaha	-	Encik Nazri bin Abd Rahman
Bendahari	-	Encik Halim bin Ahmad

Anggota	-	Tuan Haji Khairin Anwar bin Azudin Encik Muhammad bin Husin Tuan Haji Mohd Rosdi bin Abd Halim Encik Ra'azmi bin Ithnin Encik Mohd Zulhaili bin Mansor, PKC., PKT. Encik Anuwa bin Harun Tuan Haji Mohd Ali bin Abdullah Encik Mohd Asri bin Abd Ghani
---------	---	---

Encik Mohd Asri bin Abd Ghani merupakan ALK terbaharu bagi sesi ini yang berjaya dipilih dalam Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) yang lalu bagi mengisi kekosongan yang telah ditinggalkan oleh mantan Naib Pengerusi Lembaga sebelum ini iaitu Encik Rumlan bin Ismail yang telah menamatkan perkhidmatannya kerana persaraan wajib dalam kerajaan.

Jawatankuasa-jawatankuasa yang telah dibentuk diperingkat Lembaga secara keseluruhannya dikekalkan dan adalah seperti berikut:

- i. Jawatankuasa Pematuhan Syariah dan Pengurusan Risiko
(Pengerusi – Tuan Haji Khairin Anwar bin Azudin)
- ii. Jawatankuasa Pengurusan Hutang Tertunggak dan Tribunal
(Pengerusi - Encik Muhammad bin Husin)
- iii. Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Sewaan
(Pengerusi - Tuan Haji Mohd Rosdi bin Abd Halim)
- iv. Jawatankuasa Pengurusan Stesen Minyak
(Pengerusi - Encik Ra'azmi bin Ithnin)
- v. Jawatankuasa Keanggotaan dan Kebajikan
(Pengerusi – Encik Mohd Zulhaili bin Mansor, PKC., PKT.)
- vi. Jawatankuasa Ar-Rahnu
(Pengerusi – Encik Anuwa bin Harun)
- vii. Jawatankuasa Pengurusan Perniagaan
(Pengerusi - Tuan Haji Mohd Ali bin Abdullah)
- viii. Jawatankuasa Penerangan dan Teknologi Maklumat
(Pengerusi - Encik Mohd Asri bin Abd Ghani)

Pada MAP ke 36 kali ini, empat orang Anggota Lembaga yang akan tamat tempoh perkhidmatan mereka ialah Encik Nazri bin Abd Rahman, Encik Muhammad bin Husin, Encik Mohd Zulhaili bin Mansor dan Encik Anuwa bin Harun. Mengikut Undang-undang Kecil Koperasi 37 (1), Encik Nazri bin Abd Rahman, Encik Muhammad bin Husin, Encik Mohd Zulhaili bin Mansor dan Encik Anuwa bin Harun hendaklah mengosongkan jawatan mereka pada Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 36 ini.

Setiausaha Lembaga, Encik Nazri bin Abd Rahman yang akan bersara wajib pada bulan Ogos nanti telah mengesahkan yang beliau tidak akan bertanding pada MAP kali ini. Selain Encik Nazri bin Abd Rahman, Encik Ra'azmi bin Ithnin yang telah bersara secara pilihan pada bulan Februari yang lalu serta Pengerusi Lembaga, Encik Saiful Anuar bin Abu yang akan bersara wajib pada bulan Jun ini juga akan mengosongkan tempat mereka sebagai Anggota Lembaga pada MAP kali ini.

Encik Muhammad bin Husin, Encik Mohd Zulhaili bin Mansor serta Encik Anuwa bin Harun masih mempunyai sijil kelayakan dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan mereka telah menawarkan diri untuk kembali bertanding. Secara keseluruhannya, enam kekosongan jawatan dalam barisan Lembaga ini akan diisi pada hari Mesyuarat Agung Perwakilan nanti.

4. HAL-EHWAL AKTIVITI KPKP

Keanggotaan dan Kebajikan

Keanggotaan KPKP yang aktif sehingga kini adalah seramai 7,614 orang berbanding 7,765 sepertimana yang dilaporkan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan yang lalu. Dalam tahun 2024, hanya 208 orang didaftarkan sebagai anggota baharu manakala 359 orang anggota telah berhenti keanggotaan dimana majoritinya adalah kerana persaraan (wajib dan pilihan) serta masalah peribadi.

Melalui sumbangan setiap anggota sebanyak RM6 sebulan dibawah Tabung Kebajikan Am (Al-Abrar) serta sumbangan daripada pembahagian keuntungan tahunan, KPKP telah menerima caruman sebanyak RM455,111 dan mengeluarkan derma untuk 672 permohonan berjumlah RM324,852 bagi semua kategori termasuk bersara, bencana alam, perubatan dan wad, khairat kematian anggota dan waris, bantuan pendidikan anak-anak anggota serta perkahwinan.

Baki tabung kebajikan sehingga hujung tahun 2024 adalah berjumlah RM1,743,816 dan jumlah ini tidak termasuk pembahagian keuntungan bagi tahun 2024.

TUJUAN DERMA	PERMOHONAN	BAYARAN (RM)
<i>Masuk wad</i>	231	15,860
<i>Bersara</i>	219	232,800
<i>Meninggal dunia (anggota)</i>	18	18,000
<i>Meninggal dunia (waris)</i>	109	15,500
<i>Haji/umrah/ keagamaan</i>	70	20,800
<i>Bencana alam</i>	11	3,300
<i>Perkahwinan</i>	1	100
<i>Sakit kritikal</i>	13	5,700
<i>Lain-lain sumbangan</i>		12,792
JUMLAH	672	324,852

Selain daripada menjaga kebajikan anggota, KPKP juga turut memberikan sumbangan kepada Rumah Anak Yatim serta Maahad Tahfiz yang memerlukan. Antara Rumah Anak Yatim serta Maahad Tahfiz yang menerima sumbangan Infaq Ramadan daripada KPKP ialah Rumah Anak Yatim dan Asnaf Permata Al-Kauthar Muqarrabin, Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim dan Miskin Nur Iman, Maahad Tahfiz Ibtida Ad-Diniyah serta Madrasah Kamaliah. Sumbangan Infaq Ramadan yang telah disampaikan oleh KPKP kepada empat tempat tersebut ialah berjumlah RM2,000 keseluruhannya.

Pada MAP ke 36 kali ini, Lembaga akan membawa usul untuk menaikkan kadar sumbangan Tabung Al-Abrar dari RM6 ke RM10 sebulan. Semoga perwakilan dapat menyokong usul ini bagi memastikan lebih banyak manfaat dapat diberikan kepada anggota disamping tidak terlalu bergantung kepada pembahagian keuntungan tahunan.

Dalam tahun 2024 juga, KPKP telah menerima sumbangan Al-Tabaruk sebanyak RM229,222 dan Lembaga telah meluluskan pengeluaran dana dari tabung tersebut bagi menjelaskan baki hutang anggota yang meninggal dunia sebanyak RM88,209 mengikut aturan yang telah ditetapkan oleh KPKP.

Sepanjang tempoh laporan ini, KPKP telah mengeluarkan 162 sumbangan derma kepada anak-anak anggota yang berjaya dalam peperiksaan utama yang berjumlah RM36,650 keseluruhannya melalui Tabung Hadiah Kecemerlangan Pendidikan.

PEPERIKSAAN	KADAR (RM)	BILANGAN	BAYARAN (RM)
<i>UPKK</i>	<i>100</i>	<i>32</i>	<i>3,200</i>
<i>SMA/SPM/SPMV</i>	<i>250</i>	<i>111</i>	<i>27,750</i>
<i>STPM/STAM</i>	<i>300</i>	<i>19</i>	<i>5,700</i>
JUMLAH	-----	162	36,650

Melalui Tabung Tarbiah pula, sepanjang tempoh laporan ini KPKP telah mengeluarkan 246 sumbangan kepada anak-anak anggota yang berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat diploma dan ijazah yang berjumlah RM55,700. Manakala baki selebihnya bagi peruntukan kelas mengaji kakitangan dan pusat tarbiah.

JENIS BAYARAN	KADAR (RM)	BILANGAN	BAYARAN (RM)
<i>DIPLOMA</i>	<i>200</i>	<i>121</i>	<i>24,200</i>
<i>IJAZAH</i>	<i>300/100</i>	<i>125</i>	<i>31,500</i>
JUMLAH	-----	246	55,700


Melalui Tabung Derma dan Pampasan Pekerja pula, KPKP telah mengeluarkan sumbangan berjumlah RM87,722 kesemuanya kepada tiga orang kakitangan iaitu Puan Tengku Nor Zaharah binti Tengku Muhammad, Encik Amirul Asri bin Omar dan Encik Muhammad Asarruldin bin Ibrahim. Bayaran ini merupakan ganjaran perkhidmatan kakitangan mengikut tempoh kontrak perkhidmatan mereka bersama KPKP.

Pembiayaan dan Kredit

Dalam tahun 2024, KPKP mengeluarkan pembiayaan baharu sebanyak RM17.07 juta berbanding RM21.54 juta dalam tahun 2023 iaitu penurunan sebanyak 21%. Penurunan tersebut tidak begitu ketara pada tahun 2023 berbanding 2022 tetapi kesannya jelas pada tahun 2024 setelah kadar keuntungan atas pembiayaan yang dikenakan kembali kepada kadar asal iaitu 3.8% (sehingga 5 tahun) dan 4.8% (seterusnya hingga 10 tahun).


KPKP tidak ketinggalan dalam mempromosikan tawaran pembiayaan apabila kakitangan kerajaan menerima kenaikan dalam skim gaji terbaharu bermula awal tahun 2025.

Ternyata tawaran promosi pembiayaan pada kadar tetap serendah 3.80% setahun untuk tempoh sehingga 10 tahun yang ditawarkan selama tiga bulan bermula Januari hingga Mac 2025 telah memberi impak yang amat baik sekali demi kelangsungan aktiviti pembiayaan itu sendiri dan juga anggota sebagai pelanggan yang tidak melepaskan peluang dengan tawaran yang jarang-jarang diperolehi dari KPPK.



Stesen Minyak dan Kedai Mesra

Kesan ekonomi negara yang dilihat semakin pulih dan baik turut memberikan impak kepada keuntungan dari perniagaan penjualan minyak dan barangan di Kedai Mesra. Stesen menjana keuntungan bersih sebanyak RM318,949 pada tahun 2024.




Pihak pengurusan stesen meneruskan tradisi memberi minuman secara percuma kepada pelanggan yang mengisi minyak pada setiap hari Rabu yang lebih dikenali sebagai "*Happy Wednesday*". Ini adalah salah satu inisiatif untuk menaikkan jualan stesen.

Selain daripada itu, pengurusan stesen juga telah mempergiatkan promosi dan pelbagai inisiatif untuk menaikkan jualan. Antara yang dijalankan untuk suku tahun pertama 2025 ialah "*Love Loyalty PS Songsang*".

Setiap pelanggan akan menerima kad cop semasa mengisi minyak di stesen. Setiap pengisian akan datang akan dicop pada kad tersebut dan kad yang telah penuh dengan cop boleh ditebus dengan barangan istimewa yang disediakan.

Program ini telah dijalankan selama tiga bulan mulai Februari hingga April 2025. Lanjutan dari promosi di atas, pelanggan yang layak telah menyertai program “Cabutan Bertuah PS Songsang” dimana ianya telah dijalankan pada bulan Mei 2025.



Setiap tahun pihak pengurusan akan menghantar kakitangan untuk menghadiri beberapa kursus berkaitan operasi stesen bagi menambah baik ilmu dan cara bekerja di stesen. Antara kursus yang telah dihadiri adalah seperti berikut:

- i. Tatacara Penerimaan Bahan (Minyak) di Stesen PS Bentong RNR pada 30/09/2024 dan 24/01/2025;
- ii. Kursus Cara Menangani Tindakan Cemas dan Kebakaran;
- iii. Kursus HSE Table Top;
- iv. Kursus Self Defend; dan
- v. Kursus OSH – Occupational Safety Health – Coordinator.

Pihak stesen telah menerima kemasukan mesin ATM jenis MEPS Euronet pada 30 Disember 2024 setelah begitu lama mengharapkan sokongan daripada beberapa pihak bank yang akhirnya tidak tercapai. Semoga dengan adanya mesin ATM ini akan menjadi sumber penarik kepada pelanggan untuk menggunakan perkhidmatan ini dan seterusnya mendapatkan barangan keperluan di Kedai Mesra.

Alhamdulillah bagi tahun 2024-2025, Stesen Petronas KPKP Songsang telah dinobatkan dan seterusnya menerima **Anugerah Stesen Terbaik (All Star Award)** bagi bahagian Pantai Timur di Persidangan Rakan Niaga yang di adakan di Sabah Convention Centre pada 25 Februari 2025. Anugerah ini menjadi pemangkin semangat kepada pekerja stesen untuk terus berusaha menaikkan lagi prestasi jualan dan servis di Stesen Petronas KPKP.

Perniagaan

Hotel Espikay terus mendapat tempat bagi pelanggan yang memerlukan penginapan yang selesa dengan harga berpatutan. Sesuai dengan *tagline* “*An Exclusive Affordable Stay*”, pengalaman penginapan yang terbaik cuba disediakan oleh Hotel Espikay kepada pelanggan dan ternyata apabila pelanggan meninggalkan maklum balas yang positif di media sosial Hotel Espikay.

Untuk tahun 2024, jualan di Hotel Espikay mencapai sehingga RM393,343 berbanding RM338,933 pada tahun 2023. Peningkatan jualan sebanyak 16% ini menghasilkan keuntungan sebanyak RM236,838 berbanding RM147,298 pada tahun 2023.

Program “*Like, Share and Follow*” media sosial Hotel Espikay telah memberi kesan terhadap promosi jualan di mana lebih ramai pelanggan telah mengikuti media sosial tersebut. Cenderahati berupa sehelai tuala hotel juga diberikan kepada “*top fans*” yang aktif meninggalkan komen di *Facebook* dan secara tidak langsung program ini memberi kesan kepada kesetiaan pelanggan untuk terus menginap di Hotel Espikay.

Promosi “*Exclusive Right*” anggota KPKP masih diteruskan untuk menerapkan rasa sayang anggota terhadap perniagaan koperasi yang sebenarnya adalah milik mereka juga. Anggota berperanan untuk mencari pelanggan dan berpeluang menawarkan diskaun kepada pelanggan yang dicari serta boleh mengumpul mata ganjaran. Penglibatan anggota dalam promosi hotel secara tidak langsung membentuk anggota yang lebih mengenali koperasi yang disertai dan ingin menyumbang khidmat untuk memajukannya.

Pada tahun 2024, Hotel Espikay telah mendapat kelulusan bagi permohonan Insentif Bantuan Program Jom Jelajah Koperasi (JEJAK) dari pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia berjumlah RM12,500. Bantuan tersebut telah digunakan bagi membangunkan “*Online Web Portal*”, bertujuan sebagai *platform* tempahan penginapan secara atas talian. Sungguh pun Hotel Espikay tidak menggunakan khidmat “*Online Travel Agent*” (OTA), tetapi pembangunan *portal* ini mampu berfungsi sebagai “OTA” bagi mendapatkan tempahan bilik.

Pembangunan *portal* tersebut juga telah mengambil kira perkembangan aktiviti hotel di mana Hotel Espikay 2 dijangka akan mula beroperasi pada awal tahun 2026. Hotel Espikay 2 akan mempunyai 25 bilik dan dengan adanya *portal* tempahan secara atas talian ini akan memudahkan lagi tempahan bilik dibuat dan lebih mudah dicapai oleh pelanggan.

Lembaga menjangkakan aktiviti Hotel Espikay akan lebih meningkat pada tahun 2026 seiring dengan sambutan Tahun Melawat Malaysia dan ketersediaan perkhidmatan dari Hotel Espikay 2. Justeru itu, Lembaga menyeru kepada semua anggota untuk terus menyokong aktiviti Hotel Espikay bukan sahaja dengan menginap di situ malah turut menjadi agen jualan.

Pengurusan Hutang Semasa dan Tertunggak

Usaha untuk mendapatkan semula hutang tertunggak termasuk penggunaan agen pemungut hutang tetap diteruskan sungguh pun mengambil masa yang lama namun berkesan. Sehingga laporan ini disediakan, beberapa tindakan telah diambil sebagaimana berikut:

PERKARA	BIL KES	JUMLAH HUTANG	TINDAKAN/CATATAN
Mufliis (Minima RM100,000)	Tiada	Tiada	Telah diistiharkan mufliis – Mahkamah dan Jabatan Insolvensi
Pelaksanaan Mengikut Undang-Undang	7	RM209,900	Tindakan Tribunal SKM / Peguam untuk mengambil tindakan melalui pelaksanaan undang-undang dan Kaviet.
Agen Pemungut Hutang	10	RM192,430	Dalam tindakan sedia ada oleh pihak pemungut hutang Angkasa (ACCRS).
Tindakan Dalam-dalam	18	RM290,977	Dalam proses kutipan bayaran secara ansuran mengikut kelulusan Mesyuarat Lembaga.
Tutup Kes (Selesai)	2	RM4,971	Pemberhentian anggota / Selaras Yuran & Saham / Tabarruk.

Sistem SPeKAR akan terus digunakan bagi mengetahui kedudukan kredit peminjam sebelum pembiayaan diluluskan. Selain peratusan yang ditetapkan oleh pihak Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA), skor yang dihasilkan melalui sistem SPeKAR ini dapat membantu koperasi menilai kemampuan membayar balik pembiayaan yang akan diberikan.

Penerangan dan Teknologi Maklumat

Kursus Integriti dan “*Team Building*” untuk kakitangan pengurusan KPKP telah berjaya diadakan di Hotel Cheringin, Janda Baik, Bentong bermula 31 Oktober 2024 hingga 2 November 2024. Tujuan utama program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman kakitangan khususnya mengenai nilai-nilai integriti, etika serta meningkatkan kerjasama dan komunikasi dalam pasukan.

Aktiviti-aktiviti yang diadakan melibatkan latihan, permainan serta cabaran yang memerlukan kerjasama antara ahli pasukan untuk menyelesaikan tugas atau mencapai objektif. Dalam program ini juga, kakitangan telah dilatih dalam bentuk permainan pengukuhan pasukan, latihan kepimpinan dan aktiviti luar yang memerlukan kerjasama semua pihak. Adalah menjadi harapan Lembaga agar kakitangan pengurusan dapat mengaplikasikan nilai-nilai murni dan berakhlak selari dengan prinsip dan integriti dalam perkhidmatan KPKP.

Program lawatan sambil belajar Lembaga ke Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor Berhad (KPMNJ) pada 12 Februari 2025 di Johor Bahru, Johor banyak membincangkan peluang-peluang perniagaan serta bertukar-tukar pendapat di antara pihak KPKP dan KPMNJ. Lawatan ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim dan kerjasama antara kedua-dua koperasi dan perancangan untuk masa hadapan.

Acara lawatan pada hari itu diteruskan ke salah sebuah syarikat yang menjalankan teknologi stesen pengecas bateri kenderaan (EV) iaitu Syarikat EV Connection bertempat di Taman Ekoperniagaan Johor Bahru, Johor. Tujuan lawatan ini adalah berkenaan kajian kesesuaian menyediakan perkhidmatan stesen EV di Hotel Espikay, Kuantan dan Stesen Petronas KPKP, Temerloh. Banyak maklumat dan pengetahuan baharu berkaitan teknologi EV telah disampaikan oleh wakil syarikat tersebut. Walaubagaimanapun teknologi ini masih lagi baharu dan perlu dikaji dengan lebih mendalam di kawasan operasi yang terlibat.

Pada tahun ini KPKP telah cuba mempertingkatkan teknologi sistem koperasi kepada aplikasi "*mobile*" yang dijangka boleh diguna pakai pada awal tahun 2026. Anggota boleh memuat naik aplikasi ini melalui *Google Play Store* dan *Apple Store* pada masa akan datang. Selain itu, pendaftaran eSemak telah dipermudahkan pada tahun ini di mana ianya dibuat ketika Mesyuarat Agung Kawasan di seluruh negeri Pahang dijalankan.

Seiring dengan perkembangan teknologi maklumat, penggunaan media sosial seperti "*FB Page*" dan "*Tiktok*" telah diperkenalkan yang mana antara lain adalah seperti berikut:-

- @fb Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur Berhad
- @fb Hotel Espikay
- @fb Selera Espikay
- @fb Arrahnu Espikay
- @fb Petronas Songsang – KPKP
- Tiktok@KPKP.Pahang

Pihak KPKP mengalu-alukan agar semua anggota dapat sama-sama membantu mempromosikan aktiviti dan produk KPKP melalui medium tersebut. Laman sesawang "*www.kpkp.coop.my*" sentiasa digunakan sebagai medium penyampai maklumat kepada anggota. Di laman sesawang ini juga telah disediakan pautan kepada sistem e-Semak, yang mana telah menyediakan kemudahan semakan penyata terkini kepada anggota KPKP yang berdaftar sahaja.

Penyampaian secara pukal (*WhatsApp: 011-59610023*) juga digunakan untuk menyalurkan maklumat secara satu hala kepada seluruh anggota KPKP tidak kira di mana mereka berada. Semua anggota diminta untuk menyimpan nombor *info* ini di telefon masing-masing kerana penyampaian maklumat adalah secara "*broadcast group*" yang mana maklumat hanya akan sampai kepada anggota yang menyimpan (*save*) di telefon mereka sahaja.

Ar-Rahnu

Ketidakstabilan politik dan kewangan dunia pada tahun 2024 telah memberi kesan kepada kenaikan harga emas apabila ianya menjadi aset selamat untuk pelaburan berbanding instrumen kewangan yang lain. Justeru itu, harga emas yang melonjak naik telah membuka pasaran yang luas terhadap aktiviti Ar-Rahnu dan tidak terkecuali bagi Ar-Rahnu Espikay milik KPKP.

Sepanjang tahun 2024, gadaian yang telah dikeluarkan secara keseluruhan oleh semua cawangan Ar-Rahnu Espikay berjumlah RM34.9 juta berbanding RM29.0 juta pada 2023, iaitu kenaikan sebanyak 20%. Jumlah penebusan pula meningkat sebanyak 32% iaitu RM32.5 juta pada tahun 2024 berbanding RM24.6 juta pada tahun 2023.


Jika dilihat mengikut cawangan, bagi tahun 2024 Ar-Rahnu Espikay 1 (Ibu Pejabat, Kuantan) telah mengeluarkan gadaian berjumlah RM17.5 juta berbanding RM14.8 juta pada tahun 2023 iaitu kenaikan sebanyak 18%. Manakala penebusan pula berjumlah RM16.9 juta berbanding RM12.9 juta iaitu peningkatan sebanyak 31%.

Ar-Rahnu Espikay 2 (Cawangan Jerantut) mencatatkan jumlah gadaian pada tahun 2024 sebanyak RM9.5 juta berbanding RM8.2 juta pada tahun 2023, manakala penebusan pula RM8.7 juta berbanding RM6.9 juta untuk perbandingan dua tahun tersebut.

Ar-Rahnu Espikay 3 (Cawangan Kg. Padang, Kuantan) mencatat peningkatan jumlah gadaian sebanyak 5.9% iaitu RM5.4 juta pada tahun 2024 berbanding RM5.1 juta pada tahun 2023. Jumlah penebusan juga menunjukkan peningkatan iaitu RM5.3 juta berbanding RM4.4 juta untuk dua tahun tersebut.


2024 merupakan tahun kedua Ar-Rahnu Espikay 4 (Cawangan Jengka) beroperasi. Prestasi yang ditunjukkan sangat baik kerana mencatatkan peningkatan dari segi gadaian dan juga penebusan.

Gadaian yang telah dikeluarkan bagi tahun 2024 adalah berjumlah RM2.5 juta berbanding RM923,170 bagi tahun 2023 manakala penebusan adalah sebanyak RM1.6 juta berbanding RM327,020 untuk dua tahun tersebut.



Promosi yang giat dijalankan telah membuka mata penduduk di sekitar bandar Jengka tentang kewujudan Ar-Rahnu Espikay di pasaran. Berikutan dengan itu, modal dari Tabung Modal Pusingan (TMP) SKM berjumlah RM1.17 juta hanya mampu bertahan untuk tempoh sehingga enam bulan sahaja. Tadbir urus yang baik membolehkan modal pusingan digunakan dengan mengimbangi permintaan dan pengeluaran gadaian tanpa menjejaskan aliran tunai.

Sebagai kesimpulan, aktiviti Ar-Rahnu masih lagi mengekalkan kedudukannya sebagai penyumbang terbesar sumber keuntungan KPKP dan bagi tahun 2024 ianya berjumlah sebanyak RM2,521,578. Namun begitu, terdapat sedikit penurunan pendapatan iaitu dari RM2.81 juta pada 2023 kepada RM2.80 juta pada 2024. Keadaan tersebut berlaku berikutan terdapat trend penggadaai yang membuat penebusan awal semata-mata untuk membuat gadaian baharu bagi mendapatkan pembiayaan yang lebih besar disebabkan kenaikan harga emas. Kesan langsung dari perkara tersebut telah menyebabkan penurunan pendapatan.



Lembaga berkeyakinan Ar-Rahnu Espikay akan terus bersaing dan dapat mengukuhkan kedudukan di pasaran. Langkah untuk mendapatkan pensijilan SIRIM 67 iaitu pengiktirafan dari pihak SIRIM bagi aktiviti Ar-Rahnu yang beroperasi mengikut *standard* yang ditetapkan mampu memberi nilai tambah kepada Ar-Rahnu Espikay. Semoga proses mendapatkan pensijilan tersebut dapat berjalan dengan lancar dan pelanggan boleh terus menggunakan perkhidmatan Ar-Rahnu Espikay tanpa sebarang keraguan.

Pengurusan Aset dan Sewaan

Kerja-kerja menaik taraf kedai pejabat empat tingkat di Jalan Besar, Kuantan untuk dijadikan Hotel Espikay 2 telah pun dilaksanakan bermula bulan Mac 2025. Projek pembangunan mega yang juga berdekatan dengan Menara 188 ini dijangka siap pada penghujung tahun 2025 atau selewat-lewatnya awal tahun 2026. Ini merupakan pelaburan jangka masa panjang KPKP dan berdasarkan pengalaman serta kedudukan aset yang sangat strategik, pihak Lembaga yakin projek ini mampu menambah keuntungan pada masa hadapan.

Lembaga juga sentiasa fokus kepada pemantauan aset serta sistem sewaan bangunan milik KPKP. Penyeliaan aset milik KPKP seperti bangunan (termasuk sewaan), tanah, ladang kelapa sawit, ladang kelapa matag dan kenderaan telah dilaksanakan dengan lebih baik dan sempurna.

Untuk perancangan akan datang, Lembaga telah berusaha untuk memajukan tanah KPKP di Lot 61548 (4059), Jalan Gambang, Kuantan seluas 3.9 ekar dan di Kg Ubai, Mukim Pulau Rusa, Pekan seluas 2 ekar. Perbincangan pada peringkat awal bersama pihak pemaaju telah diadakan bagi mendirikan sebuah stesen minyak.

Proses ini memerlukan penilaian awal berhubung dengan kesesuaian tempat sama-sama kita berdoa agar projek ini dapat dilaksanakan bagi memberikan manfaat kepada masyarakat setempat, khususnya untuk anggota KPKP.

Pematuhan Syariah dan Pengurusan Risiko

Prinsip Syariah adalah asas kepada amalan perniagaan atau kewangan Islam di mana pematuhan kepada rukun, syarat dan prinsip yang ditentukan oleh Syarak menjadi ciri utamanya. Pematuhan menyeluruh terhadap prinsip Syariah akan memperkukuhkan keyakinan masyarakat terhadap kredibiliti sistem muamalat Islam khususnya dalam sektor koperasi.

Bagi memastikan aktiviti pembiayaan kepada anggota dan perkhidmatan Ar-Rahnu yang dijalankan menepati prinsip Syariah, KPKP telah melantik perunding khidmat Syariah luaran iaitu Tawafuq Consultancy Sdn Bhd pada tahun 2021. Pada tahun 2025, KPKP sekali lagi memberikan kepercayaan kepada pihak Tawafuq Consultancy Sdn Bhd untuk terus menjadi panel jawatankuasa penasihat Syariah KPKP.

Tawafuq Consultancy Sdn Bhd juga telah menjalankan audit Syariah bagi tempoh setahun, bermula Januari 2024 sehingga Disember 2024. Hasil daripada audit Syariah tersebut, pihak perunding berpuas hati dan mengesahkan bahawa operasi yang dijalankan oleh KPKP adalah selaras dengan prinsip Syariah.

KPKP sememangnya sentiasa peka dengan perubahan arus ekonomi negara agar dapat terus relevan dalam pasaran semasa. Oleh yang demikian, KPKP akan menilai dan melihat setiap risiko yang terlibat sebelum menjalankan sebarang bentuk perniagaan baharu mahu pun perniagaan-perniagaan yang telah dijalankan. KPKP juga sentiasa berusaha agar setiap perniagaan yang dijalankan dapat beroperasi dengan sebaik mungkin dan dapat memaksimumkan keuntungan KPKP.

5. SUMBER TENAGA MANUSIA

Pada ketika ini KPKP mempunyai kakitangan bergaji tetap seramai 30 orang di Kuantan, Temerloh, Jerantut dan Jengka yang terdiri daripada 5 orang bertaraf pegawai dan selebihnya kakitangan sokongan. Selain daripada itu, terdapat juga seramai 7 orang kakitangan operasi di Stesen Petronas Temerloh dan 6 di Hotel Espikay.

Dua orang kakitangan baharu juga telah diambil bagi mengisi kekosongan dan seterusnya melengkapkan pengstrukturkan kakitangan KPKP. Mereka adalah:

- i. Farah Anisah binti Ahmad Pahrudin - Pembantu Tadbir
- ii. Nur Syafiqah binti Mohamad Yusoff - Pembantu Ar-Rahnu

6. PERANCANGAN SEMASA DAN HADAPAN

Menurut pandangan pakar ekonomi negara, Malaysia kini sedang mengalami trend peningkatan dalam pusingan ekonomi dan dijangka akan terus memuncak sehingga 2026 sebelum mengalami gejala-gejala kegawatan semula selepas dua tahun.

Namun begitu, jika dilihat pada tahun 2023 dan seterusnya, seluruh dunia sedang menghadapi kesan ketidaktentuan global akibat perang perdagangan antara kuasa-kuasa besar dunia.

Perkembangan ini akan terus memberi cabaran utama kepada KPKP untuk mencapai peningkatan pendapatan yang telah disasarkan dan dengan sokongan yang berterusan dari anggota, perwakilan dan ALK, ianya akan mampu meningkatkan prestasi pendapatan dengan memperkasakan aktiviti perniagaan yang telah memberi pendapatan yang tinggi dan dalam masa yang sama berusaha mengurangkan perbelanjaan.

Fokus untuk tahun 2026 yang telah dirancang adalah seperti berikut:

i. Hotel Espikay 2

Projek dalam pembinaan ini dijangka siap pada penghujung tahun 2025 ini atau selewat-lewatnya awal tahun 2026. Hotel Espikay 2 terletak di Jalan Besar, Kuantan dan kawasan tersebut telah diklasifikasi sebagai zon pelancongan oleh Majlis Bandaraya Kuantan (MBK). Ianya terletak bersebelahan dengan "*Kuantan City Garden*" dan tidak jauh dari Menara 188. Hotel Espikay 2, hotel bajet dengan ciri "*majestic*" serta ditambah kemudahan lif mampu menjadi tarikan pelanggan yang berkunjung ke bandaraya Kuantan.

ii. Stesen Minyak ke 2

Usaha untuk mendapatkan hak pengendalian stesen minyak melalui beberapa syarikat pengusaha minyak diteruskan dan kertas cadangan serta lawatan tapak ke tanah milik KPKP telah dibuat. Lembaga terus berusaha dan hasil perbincangan dengan pihak Petronas beberapa bulan lalu mendapat perhatian dan seterusnya diteliti untuk cadangan pembinaan stesen di Kg Ubai, Jalan Kuantan-Pekan.

iii. Teknologi Maklumat

KPKP memberi fokus kepada penggunaan media sosial dalam mempromosikan perniagaan dan produk KPKP kepada anggota dan pelanggan. Penyebaran maklumat dengan kaedah terkini diharapkan ianya dapat meningkatkan keyakinan anggota dan pelanggan seterusnya menyokong perniagaan KPKP.

7. PENUTUP

KPKP akan meraikan ulang tahun penubuhannya yang ke 100 pada tahun 2026. Secara keseluruhannya, KPKP masih berada pada kedudukan terbaik dalam **Indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia** iaitu ditangga yang ke **27** bagi tahun 2024. Pengalaman KPKP dalam menghadapi cabaran peniagaan, pelaburan dan perkhidmatan memberikan perangsang untuk terus komited, berusaha dan mengekalkan semangat bagi semua Anggota Lembaga, pengurusan tertinggi dan warga kerja KPKP dalam usaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada anggota.

Langkah-langkah penting telah dilaksanakan terutama sekali di dalam perniagaan Ar-Rahnu dan perhotelan yang bakal memberikan pulangan yang memberangsangkan dan memberikan keyakinan bahawa KPKP berada di landasan yang betul dalam menentukan matlamat dan halatuju KPKP untuk jangka masa panjang.

Akhir kata, ribuan terima kasih diucapkan kepada pihak-pihak berkuasa yang berkaitan, terutama Pengarah serta pegawai-pegawai Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Pahang atas perkhidmatan dan bimbingan yang berterusan diberikan kepada KPKP.

Kepada Jawatankuasa Audit Dalaman, pihak Pengurusan dan semua kakitangan koperasi ini, terima kasih juga kerana bersama-sama Lembaga dalam mentadbir dan menguruskan koperasi ini sehingga berada pada tahap yang ada pada hari ini.

Penghargaan dan terima kasih juga dirakamkan untuk semua perwakilan dan anggota KPKP di atas kerjasama mereka kepada Lembaga KPKP.

Sokongan ini merupakan pemangkin kepada kami untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada anggota dan diharapkan dapat memberikan inspirasi dan motivasi kepada semua yang terlibat untuk terus maju ke hadapan. Sesebuah koperasi tidak akan wujud dan berjaya tanpa sokongan dan dorongan daripada anggotanya. Semoga KPKP akan kekal relevan untuk 100 tahun yang mendatang.

Semoga Allah merahmati kita semua. Sekian, terima kasih.

"#KPKP99TO100"

Dengan perintah Lembaga,
**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR BERHAD**



NAZRI BIN ABD RAHMAN
Setiausaha Lembaga



MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN
TAHUNAN KALI KE **36**

KERTAS BILANGAN 4

Laporan Tahunan J/K Audit Dalam
2024/2025

28 JUN 2025
GEO RESORT & HOTEL
GENTING HIGHLANDS

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR BERHAD**

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN (JAD) 2024 - 2025

**Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan
Negeri Pahang Darul Makmur Berhad**

Kepada,

SEMUA ANGGOTA PERWAKILAN

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke 36

**Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan
Negeri Pahang Darul Makmur Berhad**

YH Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN (JAD) KOPERASI PEGAWAI-
PEGAWAI KERAJAAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR BERHAD BAGI
TAHUN 2024/2025.**

PENDAHULUAN

Laporan ini disediakan oleh Anggota Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) bertujuan untuk melaporkan penemuan dan penilaian hasil pengauditan yang telah dijalankan ke atas Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur Berhad (KPKP). Laporan ini juga memberikan teguran, pandangan dan saranan terhadap kerja-kerja pengauditan sepanjang tempoh 5 Ogos 2024 hingga 30 April 2025 selaras dengan lantikan anggota JAD yang berkuat kuasa pada 05 Ogos 2024 sehingga Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke 36 Tahun 2025. Tempoh lantikan ialah satu tahun dan boleh dilanjutkan oleh Lembaga pada setiap tahun merujuk kepada Undang-Undang Kecil Koperasi (UUK) seragam seksyen 55(1). Perlantikan dan fungsi JAD merujuk kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dalam GP4 serta di bawah seksyen 42A (1), 43 Akta Koperasi 1993 dan UUK dalam perkara Bil.57(2)(a).

Keanggotaan JAD bagi sesi 2024/2025 ialah:-

- | | | |
|---|---|---------------|
| 1. Encik Shahrani bin Abdul Ghani | : | Pengerusi JAD |
| 2. Puan Intan Maizura binti Mustafar | : | Setiausaha |
| 3. Encik Mohd Faizul bin Abdul Ghani | : | Ahli |
| 4. Encik Mohd Syaifullizan bin Mohd Nor | : | Ahli |

PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN KOPERASI

Anggota JAD berperanan untuk membantu Anggota Lembaga dalam memenuhi tanggungjawab penyeliaan dan pengawasan mereka bagi memastikan keberkesanan proses kawalan dalaman, pengurusan risiko dan tadbir urus koperasi adalah terjamin dan dipatuhi. Pemeriksaan ini selaras dengan peruntukan garis panduan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dalam GP27 iaitu Garis Panduan Tadbir Urus Koperasi berhubung peranan dan tanggungjawab semua pihak agar seimbang dan pengauditan yang mantap melalui hubungan profesional antara JAD, ALK dan Pengurusan Koperasi.

Antara aktiviti yang dijalankan oleh pihak KPKP adalah:-

- i. Ar-Rahnu Espikay - Kuantan (Ibu Pejabat dan Kg Padang), Jerantut, dan Jengka;
- ii. Hotel Espikay;
- iii. Stesen Minyak Petronas dan Kedai Mesra;
- iv. Sewaan bangunan;
- v. Pembiayaan peribadi;
- vi. Pajakan Ladang Sawit (Mukim Bebar, Pekan);
- vii. Pajakan Kelapa Matag; dan
- viii. Lain-lain.

Dalam pada itu, anggota JAD yang dilantik ini telah menjalankan tugas berdasarkan Undang-Undang Kecil Koperasi dengan merujuk UUK Bil 58(1) dan Anggota JAD telah mendapat kerjasama penuh daripada pihak ALK dan Pengurusan KPKP.

Berikut adalah antara aktiviti penyemakan dan pemeriksaan JAD yang telah dilaksanakan:-

BIL	TEMPAT
1.	Pengauditan di Ibu Pejabat KPKP. Pengurusan pentadbiran, pengurusan kewangan, sistem dan keselamatan premis milik KPKP
2.	Pengauditan di Hotel Espikay. Pengurusan pentadbiran, kewangan, kepuasan pelanggan, kebersihan, proses pendaftaran masuk dan keluar hotel serta keselamatan bangunan.
3.	Pengauditan di Ar-Rahnu Espikay 1 (Ibu Pejabat, Kuantan). Pengurusan kewangan, pengurusan gadaian dan tebus gadaian serta keselamatan premis dan keselesaan pelanggan.
4.	Pengauditan di Ar-Rahnu Espikay 3 (Cawangan Kg. Padang, Kuantan). Pengurusan kewangan, pengurusan gadaian dan tebus gadaian serta keselamatan premis dan keselesaan pelanggan.
5.	Pengauditan di Ar-Rahnu Espikay 2 (Cawangan Jerantut). Pengurusan borang gadaian, pengurusan kewangan dan aliran tunai, pengurusan keselamatan dan kebersihan serta kecekapan premis.
6.	Pengauditan di Stesen Minyak dan Kedai Mesra Petronas serta Pejabat Cawangan KPKP di Simpang Songsang, Temerloh. Pengurusan kewangan, pengurusan Kedai Mesra, SOP " <i>dipping</i> " minyak dan pemeriksaan stok runcit serta jualan. (Pelancaran KPKP 99 TO 100)
7.	Pengauditan Pengurusan Sewaan Aset KPKP. Sewaan, penyelenggaraan dan kesesuaian penggunaan.
8.	Pengauditan Pajakan Ladang Sawit di Mukim Bebar, Pekan dan Pajakan Tanah di Cerating, Kuantan untuk Penanaman Kelapa Mataq. Pengurusan Pajakan dan Ladang.

Laporan dikemukakan kepada Anggota Lembaga KPKP untuk penilaian dan tindakan susulan. Anggota JAD berpendapat rekod kewangan diselenggara dengan baik dan tiada penemuan yang meragukan terhadap penggunaan dan pentadbiran kewangan KPKP berdasarkan dokumen yang diserahkan untuk semakan.

Berdasarkan hasil pengauditan, didapati tiada isu ketidakpatuhan terhadap dasar dan prosedur yang ditetapkan. Oleh itu, anggota JAD berpuas hati dengan tahap pematuhan dan keberkesanan kawalan dalaman yang diamalkan oleh pengurusan KPKP.

PEMATUHAN KEPADA TATACARA PENGURUSAN KEWANGAN

Anggota JAD telah meneliti dan menilai tahap pematuhan kepada pengurusan kewangan di Ar-Rahnu, Perniagaan Stesen Minyak dan Kedai Mesra serta Hotel Espikay mendapati secara keseluruhannya pengurusan kewangan diikuti dan dilaksanakan dengan baik serta teratur mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

Berdasarkan rekod yang dikemukakan, pihak JAD mendapati secara keseluruhannya terdapat peningkatan keuntungan daripada semua aktiviti KPKP iaitu keuntungan bagi tahun 2024 adalah sebanyak **RM4,395,315** berbanding **RM3,418,885** pada tahun 2023 yang membawa kepada peningkatan keseluruhan sebanyak **RM976,430**.

SYOR DARIPADA JAWATANKUASA AUDIT DALAM

Bagi memastikan operasi, pengurusan dan perniagaan KPKP dilaksanakan dan diuruskan dengan cekap serta teratur, JAD mengesyorkan perkara berikut:-

1. Ruang menunggu di premis Ar-Rahnu terutama di Ibu Pejabat (Kuantan) ditambah baik dengan terlebih dahulu dibuat tinjauan ke arah mengutamakan keselesaan pelanggan. Penyediaan ruang menunggu yang lebih luas harus diutamakan bagi menampung kapasiti pelanggan yang meningkat terutama pada musim perayaan.

2. Menambah baik kamera litar tertutup di premis Ar-Rahnu dan Pejabat Urusan di premis yang terletak di Jerantut dengan menggantikan kamera sedia ada kepada kamera yang beresolusi lebih tinggi.
<i>Ibu Pejabat</i>		
Wang runcit	1,100	3,900
<i>Stesen Minyak dan Kedai Mesra</i>		
Tunai di tangan	57,099	52,073
Panjar wang runcit - Petronas	500	500
Panjar wang runcit - Kedai Mesra	5,000	5,000
	<u>62,599</u>	<u>57,573</u>
<i>Ar - Rahnu - Kuantan</i>		
Tunai di tangan	71,592	49,365
<i>Ar - Rahnu - Sungai Lembing</i>		
Tunai di tangan	67,525	37,927
<i>Ar - Rahnu - Jengka</i>		
Tunai di tangan	65,445	56,589
<i>Ar - Rahnu - Jerantut</i>		
Tunai di tangan	21,896	85,181
<i>Selera Espikay</i>		
Wang pusingan perniagaan	-	500

	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
<i>Hotel Espikay</i>		
Wang pusingan perniagaan	400	200
Tunai di tangan - Selera	-	2,348
	<u>400</u>	<u>2,548</u>
 <i>Jumlah baki di tangan</i>	 <u>290,557</u>	 <u>293,583</u>
 <i>Jumlah Wang Tunai dan Baki di Bank</i>	 <u>10,533,665</u>	 <u>10,394,652</u>

16. MODAL SYER ANGGOTA

	BIL <u>ANGGOTA</u>		<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
	<u>2024</u>	<u>2023</u>		
<i>Baki pada 1 Januari</i>	7,765	7,971	15,457,829	15,330,464
Tambahan dalam tahun	<u>208</u>	<u>214</u>	<u>1,102,560</u>	<u>1,629,872</u>
	7,973	8,185	16,560,389	16,960,336
Tolak : Pengeluaran dalam tahun	<u>(359)</u>	<u>(420)</u>	<u>(653,453)</u>	<u>(1,502,507)</u>
<i>Baki pada 31 Disember</i>	<u><u>7,614</u></u>	<u><u>7,765</u></u>	<u><u>15,906,936</u></u>	<u><u>15,457,829</u></u>

KOPERASI telah mengedarkan senarai modal syer anggota untuk ditandatangani oleh anggota - anggota sebagai pengesahan mereka. Keputusan atas edaran tersebut adalah seperti berikut :-

	BIL <u>ANGGOTA</u>		<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
	<u>2024</u>	<u>2023</u>		
Anggota yang mengesahkan	148	-	521,160	-
Anggota yang tidak mengesahkan	<u>7,466</u>	<u>-</u>	<u>15,385,776</u>	<u>-</u>
	<u><u>7,614</u></u>	<u><u>-</u></u>	<u><u>15,906,936</u></u>	<u><u>-</u></u>
 Peratus kejayaan atas edaran	 <u>1.98%</u>	 <u>-</u>	 <u>3.39%</u>	 <u>-</u>

17. MODAL YURAN ANGGOTA

	BIL ANGGOTA		<u>2024</u>	<u>2023</u>
	<u>2024</u>	<u>2023</u>	RM	RM
<i>Baki pada 1 Januari</i>	7,765	7,971	42,456,448	43,305,399
Tambahan dalam tahun	208	214	2,973,808	3,018,451
	7,973	8,185	45,430,256	46,323,850
Tolak ; Pengeluaran dalam tahun	(359)	(420)	(4,018,368)	(3,867,402)
<i>Baki pada 31 Disember</i>	7,614	7,765	41,411,888	42,456,448

KOPERASI telah mengedarkan senarai modal yuran anggota untuk ditandatangani oleh anggota - anggota sebagai pengesahan mereka. Keputusan atas edaran tersebut adalah seperti berikut :-

	BIL ANGGOTA		<u>2024</u>	<u>2023</u>
	<u>2024</u>	<u>2023</u>	RM	RM
Anggota yang mengesahkan	148	-	1,109,115	-
Anggota yang tidak mengesahkan	7,466	-	40,302,773	-
	7,614	-	41,411,888	-
Peratus kejayaan atas edaran	1.98%	-	2.75%	-

18. KUMPULAN WANG PENEBUSAN SYER

	<u>2024</u>	<u>2023</u>
	RM	RM
<i>Baki pada 1 Januari</i>	550,000	550,000
Tambahan dalam tahun	-	-
	550,000	550,000
Pindahan dari Akaun Pembahagian Keuntungan	-	-
<i>Baki pada 31 Disember</i>	550,000	550,000

19. KUMPULAN WANG AL WADIAH (TABARRUK)

	<u>Tunai</u> <u>Al Wadiah</u>	<u>Al - Qardhul</u> <u>Hasan</u>	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
<i>Baki pada 1 Januari</i>	3,618,592	117,644	3,736,236	3,765,177
Tambah dalam tahun	<u>229,222</u>	<u>16,966</u>	<u>246,188</u>	<u>306,695</u>
	3,847,814	134,610	3,982,424	4,071,872
Tolak : Pengeluaran	<u>(88,209)</u>	<u>(19,970)</u>	<u>(108,179)</u>	<u>(335,636)</u>
<i>Baki pada 31 Disember</i>	<u><u>3,759,605</u></u>	<u><u>114,640</u></u>	<u><u>3,874,245</u></u>	<u><u>3,736,236</u></u>

20. KUMPULAN WANG KEBAJIKAN AM (AL ABRAR)

	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
<i>Baki pada 1 Januari</i>	1,613,557	1,482,346
Tambah dalam tahun	455,111	455,122
Pindahan dari Akaun Pembahagian Keuntungan	<u>150,000</u>	<u>25,000</u>
	2,218,668	1,962,468
Tolak : Pengeluaran dalam tahun	<u>(324,852)</u>	<u>(348,911)</u>
<i>Baki pada 31 Disember</i>	<u><u>1,893,816</u></u>	<u><u>1,613,557</u></u>

21. KUMPULAN WANG KECEMERLANGAN PENDIDIKAN

	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
<i>Baki pada 1 Januari</i>	233,256	235,106
Pindahan dari Akaun Pembahagian Keuntungan	<u>135,000</u>	<u>25,000</u>
	368,256	260,106
Tolak : Pengeluaran dalam tahun	<u>(36,650)</u>	<u>(26,850)</u>
<i>Baki pada 31 Disember</i>	<u><u>331,606</u></u>	<u><u>233,256</u></u>

22. KUMPULAN WANG DERMA PELAJARAN (TARBIAH)

	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
<i>Baki pada 1 Januari</i>	60,584	84,334
Pindahan dari Akaun Pembahagian Keuntungan	200,000	50,000
	<u>260,584</u>	<u>134,334</u>
Tolak : Pengeluaran dalam tahun	<u>(60,584)</u>	<u>(73,750)</u>
<i>Baki pada 31 Disember</i>	<u>200,000</u>	<u>60,584</u>

23. KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI

	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
<i>Baki pada 1 Januari</i>	12,356,199	12,014,310
Pindahan dari Akaun Pembahagian Keuntungan	439,532	341,889
<i>Baki pada 31 Disember</i>	<u>12,795,731</u>	<u>12,356,199</u>

24. KUMPULAN WANG DERMA DAN PAMPASAN PEKERJA

	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
<i>Baki pada 1 Januari</i>	98,765	94,129
Pindahan dari Akaun Pembahagian Keuntungan	134,000	25,000
	<u>232,765</u>	<u>119,129</u>
Tolak : Pengeluaran dalam tahun	<u>(87,722)</u>	<u>(20,364)</u>
<i>Baki pada 31 Disember</i>	<u>145,043</u>	<u>98,765</u>

25. PEMBIAYAAN SKM

- a) Pembiayaan ini diperolehi daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di bawah tabung modal pusingan (TMP) bagi membiayai modal aktiviti Ar - Rahn Jerantut. Jumlah pembiayaan adalah sebanyak RM2,398,500 bagi tempoh 10 tahun termasuk 3 bulan tempoh penangguhan dengan kadar 4 % setahun. Ansuran bulanan adalah sebanyak RM17,961.10 selama 117 bulan. Pembiayaan ini dicagarkan ke atas tanah Lot 51, PT6727, PT5230, Lot 51424 Mukim Kuantan. Kedudukan baki pembiayaan adalah seperti berikut :-

	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
<i>Baki pada 1 Januari</i>	700,484	933,978
Tolak : Bayaran dalam tahun	<u>(199,863)</u>	<u>(233,494)</u>
<i>Baki pada 31 Disember</i>	500,621	700,484
Tolak : Keuntungan tertunda	<u>(21,227)</u>	<u>(44,592)</u>
	479,394	655,892
 Jumlah terhutang dalam tempoh 12 bulan	 <u>215,533</u>	 <u>215,533</u>
Jumlah terhutang selepas 12 bulan	<u>263,861</u>	<u>440,359</u>

- b) Pembiayaan ini diperolehi daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di dalam tahun 2014 di bawah tabung modal pusingan (TMP) bagi membiayai modal aktiviti pembiayaan KOPERASI. Jumlah pembiayaan adalah sebanyak RM3,000,000 bagi tempoh 15 tahun termasuk 3 bulan tempoh penangguhan dengan kadar 4 % setahun atas baki bulanan. Ansuran bulanan adalah sebanyak RM31,007.38 selama 177 bulan bermula dari April 2015. Kedudukan baki pembiayaan adalah seperti berikut :-

	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
<i>Baki pada 1 Januari</i>	372,088	744,177
Tolak : Bayaran dalam tahun	<u>(372,088)</u>	<u>(372,089)</u>
<i>Baki pada 31 Disember</i>	-	372,088
Tolak : Keuntungan tertunda	<u>-</u>	<u>(7,938)</u>
	-	364,150
 Jumlah terhutang dalam tempoh 12 bulan	 <u>-</u>	 <u>372,089</u>
Jumlah terhutang selepas 12 bulan	<u>-</u>	<u>(7,939)</u>

- c) Pembiayaan ini diperolehi daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di dalam tahun 2018 di bawah tabung modal pusingan (TMP) bagi membiayai modal aktiviti Ar - Rahn. Jumlah pembiayaan adalah sebanyak RM729,000 bagi tempoh 15 tahun termasuk 3 bulan tempoh penangguhan dengan kadar 2 % setahun atas baki bulanan. Ansuran bulanan adalah sebanyak RM4,759.38 selama 176 bulan dan RM4,758.56 selama 1 bulan bermula dari Oktober 2018. Kedudukan baki pembiayaan adalah seperti berikut :-

	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
<i>Baki pada 1 Januari</i>	542,568	599,680
Tolak : Bayaran dalam tahun	<u>(57,113)</u>	<u>(57,112)</u>
<i>Baki pada 31 Disember</i>	485,455	542,568
Tolak : Keuntungan tertunda	<u>(39,362)</u>	<u>(48,802)</u>
	446,093	493,766
 Jumlah terhutang dalam tempoh 12 bulan	 <u>57,113</u>	 <u>57,113</u>
Jumlah terhutang selepas 12 bulan	<u>388,980</u>	<u>436,653</u>

- d) Pembiayaan ini diperolehi daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di dalam tahun 2019 di bawah tabung modal pusingan (TMP) bagi membiayai modal aktiviti Ar - Rahn. Jumlah pembiayaan adalah sebanyak RM1,780,200 bagi tempoh 15 tahun termasuk 3 bulan tempoh penangguhan dengan kadar 3 % setahun atas baki bulanan. Ansuran bulanan adalah sebanyak RM12,458.82 selama 176 bulan dan RM12,458.90 selama 1 bulan bermula dari September 2019. Kedudukan baki pembiayaan adalah seperti berikut :-

	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
<i>Baki pada 1 Januari</i>	1,557,353	1,706,858
Tolak : Bayaran dalam tahun	<u>(149,506)</u>	<u>(149,505)</u>
<i>Baki pada 31 Disember</i>	1,407,847	1,557,353
Tolak : Keuntungan tertunda	<u>(182,708)</u>	<u>(221,273)</u>
	1,225,139	1,336,080
 Jumlah terhutang dalam tempoh 12 bulan	 <u>149,506</u>	 <u>149,508</u>
Jumlah terhutang selepas 12 bulan	<u>1,075,633</u>	<u>1,186,572</u>

- e) Pembiayaan ini diperolehi daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di dalam tahun 2024 di bawah tabung modal pusingan (TMP) bagi membiayai modal aktiviti Ar - Rahnu. Jumlah pembiayaan adalah sebanyak RM1,170,000 bagi tempoh 10 tahun termasuk 3 bulan tempoh penangguhan dengan kadar 1 % setahun atas baki bulanan. Ansuran bulanan adalah sebanyak RM10,499.58 selama 120 bulan dan bermula dari Oktober 2024. Kedudukan baki pembiayaan adalah seperti berikut :-

	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
<i>Baki pada 1 Januari</i>	-	-
Tambah : Tambahan dalam tahun	1,228,451	-
Tolak : Bayaran dalam tahun	(31,499)	-
<i>Baki pada 31 Disember</i>	1,196,952	-
<i>Tolak : Keuntungan tertunda</i>	(55,550)	-
	<u>1,141,402</u>	<u>-</u>
 Jumlah terhutang dalam tempoh 12 bulan	 31,499	 -
Jumlah terhutang selepas 12 bulan	<u>1,109,903</u>	<u>-</u>

- f) Kedudukan baki pembiayaan keseluruhannya adalah seperti berikut :-

	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
<i>Baki pada 1 Januari</i>	3,172,493	3,984,693
Tambah : Tambahan dalam tahun	1,228,451	-
Tolak : Bayaran dalam tahun	(810,069)	(812,200)
<i>Baki pada 31 Disember</i>	3,590,875	3,172,493
<i>Tolak : Keuntungan tertunda</i>	(298,847)	(322,605)
	<u>3,292,028</u>	<u>2,849,888</u>
 <i>Jumlah terhutang dalam tempoh 12 bulan</i>	 <u>453,645</u>	 <u>794,241</u>
<i>Jumlah terhutang selepas 12 bulan</i>	<u>2,838,383</u>	<u>2,055,647</u>

26. PEMBIAYAAN SEWABELI

Dalam tahun 2022, KOPERASI telah menyewabeli satu unit kenderaan jenis Isuzu D - Max 1.9 4x4 AT STD CEP1926 dari Maybank Islamic Berhad, Kuantan dengan bayaran bulanan sebanyak RMI,790 selama 35 bulan dan RM1,760 bagi bulan ke 36. Kedudukan baki pembiayaan adalah seperti berikut :-

	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
<i>Baki pada 1 Januari</i>	32,190	53,670
<i>Tambah dalam tahun</i>	-	-
	<u>32,190</u>	<u>53,670</u>
<i>Tolak : Bayaran dalam tahun</i>	<u>(21,480)</u>	<u>(21,480)</u>
	10,710	32,190
<i>Tolak : Keuntungan tertunda</i>	<u>(144)</u>	<u>(1,157)</u>
<i>Baki pada 31 Disember</i>	<u>10,566</u>	<u>31,033</u>
 <i>Jumlah terhutang dalam tempoh 12 bulan</i>	 <u>10,566</u>	 <u>20,487</u>
<i>Jumlah terhutang selepas 12 bulan</i>	<u>-</u>	<u>10,546</u>

27. PENDAPATAN TERTUNDA

	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
<i>Keuntungan Pembiayaan Anggota (#1)</i>		
<i>Baki pada 1 Januari</i>	14,087,276	13,161,456
<i>Tambahan dalam tahun</i>	<u>14,137,633</u>	<u>16,015,836</u>
	28,224,909	29,177,292
<i>Tolak : Pendapatan diiktiraf</i>	<u>(14,924,791)</u>	<u>(15,090,016)</u>
<i>Baki pada 31 Disember</i>	<u>13,300,118</u>	<u>14,087,276</u>
 <i>Sewa pajak Stesen Petronas (#2)</i>		
<i>Baki pada 1 Januari</i>	546,664	573,331
<i>Tambahan dalam tahun</i>	-	-
	<u>546,664</u>	<u>573,331</u>
<i>Tolak : Pendapatan diiktiraf</i>	<u>(26,664)</u>	<u>(26,667)</u>
<i>Baki pada 31 Disember</i>	<u>520,000</u>	<u>546,664</u>
	<u>13,820,118</u>	<u>14,633,940</u>

- #1 Keuntungan pembiayaan anggota terdiri daripada keuntungan pembiayaan anggota dan bukan anggota yang dikenakan sehingga tahun 2032. Keuntungan ini diiktiraf di dalam tahun apabila pembayaran di buat oleh peminjam.
- #2 Pada 1 Julai 2014, Koperasi telah memasuki satu perjanjian bagi menyewapajak tapak stesen minyak di Lot 6954, PN 15998, Simpang Songsang Temerloh dengan Petronas Dagangan Bhd. Tempoh pajakan adalah selama 30 tahun dengan jumlah sewa pajak sebanyak RM800,000.

28. SIMPANAN KHAS ANGGOTA

	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
<i>Baki pada 1 Januari</i>	5,095,817	5,398,480
Tambahan dalam tahun	<u>2,511,508</u>	<u>1,061,409</u>
	7,607,325	6,459,889
Tolak : Pengeluaran dalam tahun	<u>(2,720,984)</u>	<u>(1,364,072)</u>
<i>Baki pada 31 Disember</i>	<u>4,886,341</u>	<u>5,095,817</u>

29. KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI

	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
<i>Baki pada 1 Januari</i>	68,378	54,402
Tolak : Bayaran dalam tahun	<u>(68,378)</u>	<u>(54,402)</u>
	-	-
Tambahan : Pindahan dari Akaun Pembahagian Keuntungan	87,906	68,378
<i>Baki pada 31 Disember</i>	<u>87,906</u>	<u>68,378</u>

30. KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI

	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
<i>Baki pada 1 Januari</i>	34,189	27,201
Tolak : Bayaran dalam tahun	<u>(34,189)</u>	<u>(27,201)</u>
	-	-
Tambahan : Pindahan dari Akaun Pembahagian Keuntungan	43,953	34,189
<i>Baki pada 31 Disember</i>	<u>43,953</u>	<u>34,189</u>

31. DIVIDEN

	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
<u>Modal Syer</u>		
<i>Baki pada 1 Januari</i>	1,351,498	1,084,867
Tolak : Bayaran dalam tahun	<u>(1,351,498)</u>	<u>(1,084,867)</u>
	-	-
Pindahan ke simpanan khas anggota	<u>-</u>	<u>-</u>
	-	-
Tambahan : Pindahan dari Akaun Pembahagian Keuntungan	1,568,827	1,351,498
	<u>1,568,827</u>	<u>1,351,498</u>
 <u>Modal Yuran</u>		
<i>Baki pada 1 Januari</i>	1,387,183	1,122,287
Tolak : Bayaran dalam tahun	<u>(1,387,183)</u>	<u>(1,122,287)</u>
	-	-
Pindahan ke simpanan khas anggota	<u>-</u>	<u>-</u>
	-	-
Tambahan : Pindahan dari Akaun Pembahagian Keuntungan	1,475,965	1,387,183
	<u>1,475,965</u>	<u>1,387,183</u>
 <i>Baki pada 31 Disember</i>	<u>3,044,792</u>	<u>2,738,681</u>

32. HONORARIUM

	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
<i>Baki pada 1 Januari</i>	60,000	48,000
Tolak : Bayaran dalam tahun	<u>(50,000)</u>	<u>(48,000)</u>
	10,000	-
Pelarasan terlebih peruntukan tahun lalu	<u>(10,000)</u>	<u>-</u>
	-	-
Tambahan : Pindahan dari Akaun Pembahagian Keuntungan	60,000	60,000
<i>Baki pada 31 Disember</i>	<u>60,000</u>	<u>60,000</u>

33. PELBAGAI PEMIUTANG

	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
<u>Ibu Pejabat</u>		
Deposit pembiayaan diterima	1,763,543	1,726,251
Pelbagai deposit	122,525	143,125
Perbelanjaan terakru	664,603	46,496
Lain - lain pemiutang	(3,317)	860
Zakat perniagaan	100,000	50,000
Bayaran balik duti setem	23,754	19,322
<i>Jumlah</i>	<u>2,671,108</u>	<u>1,986,054</u>
 <u>Stesen Minyak dan Kedai Mesra</u>		
Deposit minyak	45,713	47,213
Lain - lain pemiutang dan akruan	10,383	10,383
<i>Jumlah</i>	<u>56,096</u>	<u>57,596</u>
 <u>Ar - Rahnu - Kuantan</u>		
Pemiutang lebihan tender	115,063	156,238
 <u>Ar - Rahnu - Sungai Lembing</u>		
Pemiutang lebihan tender	10,106	21,369
 <u>Ar - Rahnu - Jengka</u>		
Pemiutang lebihan tender	4,326	17,890
 <u>Ar - Rahnu - Jerantut</u>		
Pemiutang lebihan tender	115,672	84,707
 <u>Selera Espikay</u>		
Perbelanjaan terakru	-	929

	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
<u>Hotel Espikay</u>		
Perbelanjaan terakru	7,083	5,012
Deposit bilik	1,398	448
Deposit fi kelestarian	1,318	47,602
<i>Jumlah</i>	<u>9,799</u>	<u>53,062</u>
 <i>Jumlah Pelbagai Pemiutang</i>	 <u><u>2,982,170</u></u>	 <u><u>2,377,845</u></u>

34. PELBAGAI PENDAPATAN

	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
Bayaran masuk	1,110	1,075
Bayaran perkhidmatan	35,121	38,764
Bayaran proses	22,400	25,340
Insentif bank	46,967	55,653
Komisyen pengguna	1,349	1,859
Sewa pajak stesen	26,667	26,667
Sumbangan Al - Qardhul Hasan	320	300
Lain - lain pendapatan	46,789	50,053
	<u>180,723</u>	<u>199,711</u>

35. PERBELANJAAN KAKITANGAN

	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
Bonus kakitangan	118,568	56,898
Elaun galakan	11,000	14,700
Elaun kos sara hidup	62,250	64,400
Elaun kursus dan seminar kakitangan	1,100	9,530
Elaun lebihmasa	8,102	28,850
Elaun mesyuarat kakitangan	5,687	3,430
Elaun perjalanan kakitangan	14,685	17,384
Elaun tanggung kerja	-	1,014
Gaji	776,300	790,932
Imbuhan tetap kakitangan	43,015	44,360
Imbuhan tetap Perumahan	78,300	81,600
KWSP	126,464	126,617
Pakaian seragam	9,775	3,519
Perkeso	16,006	16,719
Perubatan	11,098	8,396
	<u>1,282,350</u>	<u>1,268,349</u>

36. PERBELANJAAN MESYUARAT AGUNG

	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
Elaun kehadiran Mesyuarat Agung	56,400	437,100
Sewa dewan dan peralatan	63,237	37,638
Elaun pengelola mesyuarat	30,400	19,000
Perbelanjaan jamuan dan peralatan	18,750	32,837
Elaun perjalanan Mesyuarat Agung	17,043	66,600
Elaun Pengerusi Mesyuarat Agung	2,200	2,200
Lain - lain Perbelanjaan	44,842	39,005
	<u>232,872</u>	<u>634,380</u>

37. PERBELANJAAN LEMBAGA

		<u>Elaun Mesyuarat RM</u>	<u>Elaun Khas Mesyuarat RM</u>	<u>Elaun Pengangkutan dan Perjalanan RM</u>	<u>Elaun Khas dan Seminar RM</u>	<u>Insuran Perlindungan Lembaga RM</u>	<u>Elaun Keraian Lembaga RM</u>	<u>Jumlah RM</u>
	<u>2024</u>							
1	Encik Saiful Anuar bin Abu	12,000	4,600	9,190	-	3,442	3,300	32,532
2	Encik Rumlan bin Ismail	5,600	1,400	4,183	-	3,442	2,500	17,125
3	Encik Nazri bin Abdul Rahman	12,900	4,250	7,174	-	3,442	3,400	31,166
4	Encik Halim bin Ahinad	12,000	4,500	7,384	-	3,441	3,400	30,725
5	Tuan Haji Khairin Anwar bin Azudin	10,200	3,800	6,215	-	3,441	3,250	26,906
6	Tuan Haji Azman bin Ibrahim @ A.Ghani	12,000	4,200	7,597	500	3,441	3,400	31,138
7	Encik Muhammad bin Husin	12,000	4,200	7,265	-	3,441	3,400	30,306
8	Tuan Haji Mohd Rosdi bin Abdul Halim	12,000	5,100	9,308	600	3,441	3,400	33,849
9	Encik Ra'azmi bin Ithnin	11,400	4,350	7,774	-	3,441	3,400	30,365
10	Encik Mohd Zulhaili bin Mansor	12,000	4,500	7,614	-	3,441	3,400	30,955
11	Encik Anuwa bin Haron	12,000	5,100	8,892	400	3,441	3,400	33,233
12	Tuan Haji Ali bin Abdullah	11,400	4,200	7,593	-	3,441	3,400	30,034
13	Mohd Asri bin Abdul Ghani	6,000	3,000	3,000	-	-	1,050	13,050
		<u>141,500</u>	<u>53,200</u>	<u>93,189</u>	<u>1,500</u>	<u>41,295</u>	<u>40,700</u>	<u>371,384</u>

37. PERBELANJAAN LEMBAGA

		Elaun <u>Mesyuarat</u> RM	Elaun Khas <u>Mesyuarat</u> RM	Elaun <u>Pengangkutan dan Perjalanan</u> RM	Elaun Khas <u>dan Seminar</u> RM	Insuran <u>Perlindungan</u> <u>Lembaga</u> RM	Elaun <u>Keraian</u> <u>Lembaga</u> RM	<u>Jumlah</u> RM
	<u>2023</u>							
1	Encik Saiful Anuar bin Abu	11,850	4,150	8,250	-	3,816	3,150	31,216
2	Encik Rumlan bin Ismail	11,850	3,750	7,950	-	3,816	3,150	30,516
3	Encik Nazri bin Abdul Rahman	12,735	4,500	8,900	-	3,816	3,150	33,101
4	Encik Halim bin Ahmad	11,850	4,750	9,050	200	3,816	3,150	32,816
5	Tuan Haji Khairin Anwar bin Azudin	11,850	4,150	8,200	-	3,816	3,150	31,166
6	Tuan Haji Azman bin Ibrahim @ A.Ghani	10,250	3,800	7,050	230	3,815	3,000	28,145
7	Encik Muhammad bin Husin	11,850	4,150	8,050	300	3,815	3,150	31,315
8	Tuan Haji Mohd Rosdi bin Abdul Halim	11,850	4,300	9,391	100	3,815	3,150	32,606
9	Encik Ra'azmi bin Ithnin	11,850	3,950	8,050	200	3,815	3,150	31,015
10	Encik Mohd Zulhaili bin Mansor	11,450	4,250	8,450	500	3,815	3,150	31,615
11	Encik Anuwa bin Haron	11,850	4,300	8,400	300	3,815	3,150	31,815
12	Tuan Haji Ali bin Abdullah	11,850	4,300	8,200	-	3,815	3,150	31,315
		<u>141,085</u>	<u>50,350</u>	<u>99,941</u>	<u>1,830</u>	<u>45,785</u>	<u>37,650</u>	<u>376,641</u>

38. PELBAGAI PERBELANJAAN

	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
Air	10,164	10,792
Alatulis dan percetakan	25,412	40,734
Bayaran guaman	24,256	600
Bayaran ikhtisas	94,000	51,828
Bayaran Jawatankuasa Audit Dalamam	1,890	3,840
Bayaran komisen ANGKASA & Berkanun	77,910	78,342
Cukai jalan dan insuran kenderaan	3,753	3,885
Cukai pintu	36,171	38,017
Denda dan penalti	775	1,500
Derma dan kebajikan	-	2,000
Diskaun sewa diberi	-	5,700
Elaun keraian Jawatankuasa Audit Dalamam	240	6,200
Elaun keraian Jawatankuasa Perhubungan Kawasan	8,300	3,635
Elaun kursus Jawatankuasa Audit Dalamam	520	800
Elaun kursus Jawatankuasa Perhubungan Kawasan	11,405	1,360
Elaun kursus dan seminar anggota	48,100	-
Elaun mesyuarat Jawatankuasa Audit Dalamam	2,799	7,285
Elaun mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Kawasan	64,270	81,810
Elaun perjalanan Jawatankuasa Audit Dalamam	5,554	20,674
Elaun perjalanan Jawatankuasa Perhubungan Kawasan	15,330	19,680
Elektrik	106,147	109,979
Fi ejen cukai pendapatan	3,000	3,710
Hadiah dan saguhati kakitangan	-	8,316
Hasil tanah	36,358	36,967
Iklan dan lesen	14,879	5,956
Insuran kebakaran dan kecurian	155,974	138,165
Kawalan keselamatan	241,662	215,131
Keraian	23,689	40,387
Khidmat tenaga kompeten	1,500	-
Komisen dan faedah bank	2,103	3,065
Lain - lain belanja jawatankuasa	134,739	112,552
Lain - lain belanja JKPK	20,235	9,608
Lawatan sambil belajar	36,000	36,162
Minyak kenderaan	181	7,282
Pajakan tanah Mukim Sungai Karang	20,000	20,000
Pelbagai belanja	96,069	36,016
Pembaikan bangunan	11,640	18,510

	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
Pengurusan seminar anggota	88,661	90,322
Penyelenggaraan bangunan	39,404	34,576
Penyelenggaraan kenderaan	1,779	7,661
Penyelenggaraan komputer	65,592	69,344
Penyelenggaraan pejabat	84,873	94,799
Perbelanjaan luar jangka	119,240	46,852
Setem dan pendaftaran	23,525	31,067
Sewa pejabat	14,400	25,400
Telefon dan internet	55,692	39,102
Urusetia Jawatankuasa Perhubungan Kawasan	-	4,400
	<u><u>1,828,191</u></u>	<u><u>1,624,011</u></u>



MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN
TAHUNAN KALI KE **36**

KERTAS BILANGAN 7

Anggaran Belanjawan Tahun 2026

28 JUN 2025
GEO RESORT & HOTEL
GENTING HIGHLANDS

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR BERHAD**

PENYATA PENDAPATAN & PERBELANJAAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

ANGGARAN PENDAPATAN & PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2026

BIL	PERKARA	2023 AKAUN	2024 AKAUN	2025 PERUNTUKAN	2026 ANGGARAN
1.	<u>PENDAPATAN</u>				
1.0	<u>Pendapatan Pengurusan</u>				
1.0.1	Khidmat Atas Pinjaman	4,057,244	4,629,876	5,000,000	5,000,000
1.0.2	Bayaran Perkhidmatan	38,764	35,121	60,000	60,000
1.0.3	Bayaran Proses	25,340	22,400	30,000	30,000
1.0.4	Keuntungan Atas Pertaruhan Tetap	58,103	45,725	50,000	50,000
1.0.5	Komisen Insuran	1,859	1,349	3,000	3,000
1.0.6	Sewa Bangunan	275,550	285,400	380,000	380,000
1.0.7	Bayaran Masuk Menjadi Anggota	1,075	1,110	2,000	2,000
1.0.8	Sumbangan Al Qard	300	320	1,000	1,000
1.0.9	Kutipan Hasil Pajakan Ladang	144,000	144,000	144,000	200,000
1.0.10	Kutipan Pajakan Stesen Minyak	26,667	26,667	27,000	27,000
1.0.11	Dividen Dari Pelaburan Saham	204,947	215,091	240,000	240,000
1.0.12	Lain-Lain Pendapatan	105,706	154,188	100,000	100,000
		4,939,555	5,561,247	6,037,000	6,093,000
1.1	<u>Pendapatan Aktiviti Perniagaan</u>				
1.1.1	Perniagaan Stesen & Kedai Mesra	12,824,087	14,931,042	13,200,000	14,800,000
1.1.2	Perniagaan Ar-Rahnu	2,810,900	2,801,321	3,300,000	3,600,000
1.1.3	Perniagaan Hotel	355,753	423,851	450,000	600,000
1.1.4	Perniagaan Restoran	620,656	-	-	-
	JUMLAH BESAR	21,550,951	23,717,461	22,987,000	25,093,000
2.	<u>PERBELANJAAN</u>				
2.0	<u>Perbelanjaan Aktiviti Perniagaan</u>				
2.0.1	Perniagaan Stesen & Kedai Mesra	12,564,815	14,612,093	12,800,000	14,400,000
2.0.2	Perniagaan Ar-Rahnu	245,378	279,743	300,000	400,000
2.0.3	Perniagaan Hotel	208,455	187,013	250,000	250,000
2.0.4	Perniagaan Restoran	646,017	-	-	-
	JUMLAH BESAR	13,664,665	15,078,849	13,350,000	15,050,000
2.1	<u>Perbelanjaan Kakitangan</u>				
2.1.1	Gaji	790,932	776,300	880,000	890,000
2.1.2	KWSP	126,617	126,464	140,000	140,000
2.1.3	Perkeso	16,719	16,005	18,000	18,000
2.1.4	Imbuhan Tetap Kakitangan	44,360	43,015	48,000	48,000
2.1.5	Elaun Galakan	14,700	11,000	20,000	20,000
2.1.6	Elaun Tanggung Kerja	1,014	-	1,000	1,000
2.1.7	Elaun Lebih Masa	28,850	8,102	30,000	30,000
2.1.8	Bonus	56,898	118,568	150,000	150,000
2.1.9	Perubatan	8,396	11,098	20,000	20,000
2.1.10	Pakaian Seragam dan Korporat	3,519	9,775	15,000	15,000
2.1.11	Kursus dan Seminar	9,530	1,100	10,000	10,000
2.1.12	Elaun Pengangkutan dan Perjalanan	17,384	14,686	20,000	20,000
2.1.13	Imbuhan Tetap Perumahan	81,600	78,300	85,000	85,000
2.1.14	Elaun Mesyuarat	3,430	5,687	5,000	5,000
2.1.15	Elaun Kos Sara Hidup	64,400	62,250	66,000	68,000
	JUMLAH KECIL	1,268,349	1,282,350	1,508,000	1,520,000

BIL	PERKARA	2023 AKAUN	2024 AKAUN	2025 PERUNTUKAN	2026 ANGGARAN
2.2	<u>Perbelanjaan Anggota Lembaga</u>				
2.2.1	Elaun Mesyuarat	141,085	141,500	150,000	150,000
2.2.2	Elaun Mes. Khas/Lawatan Kerja	50,350	53,200	66,000	68,000
2.2.3	Elaun Pengangkutan dan Perjalanan	99,941	93,190	100,000	120,000
2.2.4	Elaun Kursus dan Seminar	1,830	1,500	2,000	2,000
2.2.5	Takaful Perubatan	45,785	41,294	50,000	50,000
2.2.6	Lain-Lain Perbelanjaan	37,650	40,700	40,000	50,000
	JUMLAH KECIL	376,641	371,384	408,000	440,000
2.3	<u>Perbelanjaan AJK Kawasan</u>				
2.3.1	Elaun Mesyuarat	81,810	64,270	84,000	88,000
2.3.2	Elaun Pengangkutan dan Perjalanan	19,680	15,330	24,000	26,000
2.3.3	Elaun Kursus dan Seminar	3,635	8,300	10,000	10,000
2.3.4	Keraian	1,360	11,405	5,000	5,000
2.3.5	Urusetia	4,400	-	5,000	5,000
2.3.6	Lain-Lain Perbelanjaan	9,608	20,235	10,000	10,000
	JUMLAH KECIL	120,493	119,540	138,000	144,000
2.4	<u>Perbelanjaan J/K Audit Dalaman</u>				
2.4.1	Bayaran J/K Audit Dalaman	3,840	1,890	10,000	10,000
2.4.2	Elaun Mesyuarat	7,285	2,799	8,000	8,000
2.4.3	Elaun Pengangkutan dan Perjalanan	20,674	5,554	20,000	16,000
2.4.4	Elaun Kursus dan Seminar	800	520	2,000	3,000
2.4.5	Lain-Lain Perbelanjaan	6,200	240	8,000	8,000
	JUMLAH KECIL	38,799	11,003	48,000	45,000
2.5	<u>Perbelanjaan Juruaudit</u>				
2.5.1	Bayaran Juruaudit	15,000	15,000	18,000	18,000
2.5.2	Bayaran Urusan Cukai Pendapatan	3,710	3,000	4,000	4,000
2.5.3	Lain-Lain Perbelanjaan	-	1,340	2,000	2,000
	JUMLAH KECIL	18,710	19,340	24,000	24,000
2.6	<u>Perbelanjaan Aktiviti Koperasi</u>				
2.6.1	Elaun Kehadiran	-	28,900	60,000	100,000
2.6.2	Pengurusan Kursus dan Seminar	90,322	107,861	100,000	160,000
2.6.3	Lawatan Sambil Belajar	36,162	36,000	40,000	40,000
2.6.4	Lain-Lain Perbelanjaan	112,552	134,739	100,000	500,000
	JUMLAH KECIL	239,036	307,500	300,000	800,000
2.7	<u>Perbelanjaan Pejabat</u>				
2.7.1	Setem dan Pendaftaran	31,067	23,525	20,000	25,000
2.7.2	Eletrik	109,979	106,147	150,000	150,000
2.7.3	Air	10,792	10,164	10,000	15,000
2.7.4	Telefon	39,102	55,692	55,000	60,000
2.7.5	Alatulis dan Percetakan	40,734	25,412	55,000	55,000
2.7.6	Keraian	40,387	23,689	55,000	55,000
2.7.7	Cukai Pintu	38,017	36,171	50,000	50,000
2.7.8	Hasil Tanah	36,967	36,358	60,000	60,000
2.7.9	Bayaran Guaman	600	24,256	30,000	30,000
2.7.10	Bayaran Kawalan Keselamatan	215,131	241,662	250,000	300,000
2.7.11	Penyelenggaraan Pejabat	94,799	84,873	180,000	180,000
2.7.12	Penyelenggaraan Bangunan	34,576	39,404	80,000	80,000
2.7.13	Penyelenggaraan Komputer	69,344	65,592	100,000	100,000
2.7.14	Insuran Bangunan	138,165	155,974	150,000	250,000
2.7.15	Iklan dan Lesen	5,956	14,879	15,000	20,000
2.7.16	Penyelenggaraan Kenderaan	7,661	1,778	20,000	20,000
2.7.17	Minyak Kenderaan	7,282	180	10,000	10,000
	JUMLAH KECIL	920,559	945,756	1,290,000	1,460,000

BIL	PERKARA	2023 AKAUN	2024 AKAUN	2025 PERUNTUKAN	2026 ANGGARAN
2.8	<u>Perbelanjaan Mesyuarat Agung</u>				
2.8.1	Elaun Kehadiran	437,100	56,400	500,000	100,000
2.8.2	Elaun Pengelola Mesyuarat	19,000	30,400	40,000	40,000
2.8.3	Elaun Pengangkutan dan Perjalanan	66,600	17,043	80,000	35,000
2.8.4	Sewa Dewan dan Jamuan	37,638	63,237	60,000	60,000
2.8.5	Peralatan Mesyuarat	32,837	18,750	32,000	40,000
2.8.6	Elaun Pengerusi Mesyuarat	2,200	2,200	3,000	3,000
2.8.7	Lain-Lain Belanja Mesyuarat Agung	39,005	44,842	50,000	50,000
	JUMLAH KECIL	634,380	232,872	765,000	328,000
2.9	<u>Perbelanjaan Am</u>				
2.9.1	Faedah Sewabeli	1,945	1,013	2,000	2,000
2.9.2	Komisyen BPA	78,342	77,910	90,000	90,000
2.9.3	Komisyen Bank	3,065	2,103	4,000	4,000
2.9.4	Derma	2,000	-	4,000	4,000
2.9.5	Penerbitan	-	-	1,000	1,000
2.9.6	Bayaran Kursus dan Seminar	-	-	1,000	1,000
2.9.7	Bayaran Pembaikan Tanah	-	-	1,000	1,000
2.9.8	Bayaran Pembaikan Bangunan	18,510	11,640	30,000	30,000
2.9.9	Bayaran Penilaian	-	-	1,000	1,000
2.9.10	Bayaran Khidmat Perundingan	51,828	94,000	50,000	50,000
2.9.11	Denda	1,500	775	1,000	1,000
2.9.12	Sewa Bangunan Pejabat	25,400	14,400	30,000	25,000
2.9.13	Khidmat Tenaga Kompeten	-	1,500	10,000	10,000
2.9.14	Keuntungan kepada TMP-SKM	107,595	79,918	220,000	220,000
2.9.15	Bayaran Pajakan Tanah PSK	20,000	20,000	20,000	20,000
2.9.16	Pelbagai	50,032	98,484	50,000	75,000
2.9.17	Luar Jangka	50,737	119,240	50,000	75,000
	JUMLAH KECIL	410,954	520,983	565,000	610,000
2.9.18	Rosotnilai Saham	-	-	-	-
2.9.19	Susutnilai Aset	439,480	432,569	450,000	450,000
	JUMLAH BELANJA MENGURUS	18,132,066	19,322,146	18,846,000	20,871,000
	LEBIHAN (KURANGAN)	3,418,885	4,395,315	4,141,000	4,222,000



**MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN
TAHUNAN KALI KE 36**

KERTAS BILANGAN 8

Permohonan Kebenaran
Perbelanjaan Melebihi 5% dalam
Tahun 2024

28 JUN 2025
GEO RESORT & HOTEL
GENTING HIGHLANDS

KERTAS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE 36
KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR BERHAD

KEBENARAN PERBELANJAAN MELEBIHI
LIMA PERATUS (5%) DI DALAM PERBELANJAAN TAHUN 2024

1. TUJUAN

Kertas ini disediakan bagi mendapatkan kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke 36 Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur Berhad berhubung dengan perbelanjaan bagi tahun 2024 yang melebihi lima peratus (5%) daripada amaun yang diperuntukan di dalam belanjawan, selaras dengan peruntukan 16(2) Peraturan-peraturan Koperasi 2010.

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Secara keseluruhannya, perbelanjaan bagi tahun 2024 adalah tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan ke 34.
- 2.2 Namun begitu, terdapat beberapa item perbelanjaan yang melebihi lima peratus (5%) peruntukan dan pada asasnya telah dibuat 'virement' atau pindahan peruntukan dengan menggunakan peruntukan daripada vot-vot di dalam kumpulan yang sama dengan kelulusan Lembaga.
- 2.3 Bagi memenuhi kehendak Perkara 16(1)(2) Peraturan-peraturan Koperasi, maka Lembaga dengan ini menyenaraikan item-item yang telah dibelanjakan melebihi lima peratus (5%) peruntukan yang diluluskan untuk kelulusan dan kebenaran Mesyuarat Agung.

3. ITEM-ITEM PERBELANJAAN MELEBIHI LIMA PERATUS

Dari segi perbelanjaan khusus mengikut item, terdapat item yang telah dibelanjakan melebihi lima peratus (5%) peruntukan yang diluluskan sepertimana berikut:

3.1	<u>Vot</u>	<u>Perkara</u>
	2.1	<i>Perbelanjaan Kakitangan</i>
	2.1.3	Perkeso
	2.1.14	Elaun Mesyuarat
	2.1.15	Elaun Kos Sara Hidup

<u>Vot</u>	<u>Perkara</u>
2.2	<i>Perbelanjaan Anggota Lembaga</i>
2.2.5	Insuran Perlindungan
2.2.6	Lain-lain Perbelanjaan.
2.3	<i>Perbelanjaan AJK Kawasan</i>
2.3.4	Keraian.
2.3.6	Lain-lain Perbelanjaan.
2.6	<i>Perbelanjaan Aktiviti Koperasi</i>
2.6.2	Pengurusan Kursus dan Seminar.
2.6.4	Lain-lain Perbelanjaan.
2.7	<i>Perbelanjaan Pejabat</i>
2.7.1	Setem dan Pendaftaran
2.7.3	Air
2.7.4	Telefon
2.7.10	Bayaran Kawalan Keselamatan
2.7.14	Insuran Bangunan
2.8	<i>Perbelanjaan Mesyuarat Agung</i>
2.8.3	Sewa Dewan dan Peralatan.
2.9	<i>Perbelanjaan Am.</i>
2.9.10	Bayaran Khidmat Perundingan.

4. PENUTUP

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke 36 yang bersidang pada 28 Jun 2025 dipohon menerima kertas yang dibentangkan.

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR BERHAD**



**MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN
TAHUNAN KALI KE 36**

KERTAS BILANGAN 9

Senarai Panel Juruaudit Untuk
Mengaudit Akaun Bagi Tahun 2025

28 JUN 2025
GEO RESORT & HOTEL
GENTING HIGHLANDS

KERTAS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE 36
KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR BERHAD

MELULUSKAN PANEL JURUAUDIT UNTUK MENGAUDIT
AKAUN-AKAUN BAGI TAHUN 2025

1. TUJUAN

Kertas cadangan ini disediakan bertujuan untuk mendapatkan kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 36, selaras dengan peruntukan Undang-undang Kecil 32(1)(h) mengenai perlantikan suatu panel Juruaudit bagi mengaudit akaun KPKP.

2. LATARBELAKANG

2.1 Sehubungan dengan kehendak peraturan dalam Undang-undang Kecil 32(1)(h) di atas menghendaki KPKP melantik satu panel Juruaudit bagi mengaudit akaun KPKP, maka satu senarai panel Juruaudit perlu dibentangkan di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke 36 yang mana akan dipilih bagi mengaudit akaun-akaun KPKP bagi tahun 2025.

2.2 KPKP telah mengenalpasti calon-calon panel Juruaudit yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- 2.2.1 Mohamed Asri & Co.
- 2.2.2 Kamarulzaman & Associates
- 2.2.3 Norilla & Associates
- 2.2.4 Wan Nadzir & Co.

3. TARIKH BERKUATKUASA

Apabila diputuskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke 36.

4. PENUTUP

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke 36 yang bersidang pada 28 Jun 2025 dipohon membuat keputusan untuk memilih dan menentukan bakal Juruaudit yang akan mengaudit akaun-akaun KPKP bagi Tahun Kewangan 2025.

KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR BERHAD

**SENARAI JURUAUDIT LUAR BERDAFTAR DENGAN
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA CAWANGAN PAHANG**

<u>BIL.</u>	<u>NAMA DAN ALAMAT FIRMA AUDIT</u>
01.	MOHAMED ASRI & CO B-42, 2nd Floor, Jalan Gambut, Kuantan
02.	NORILA & ASSOCIATES No. 45/3 Suite 2.01, Tingkat 2 Jalan Teluk Sisek, Kuantan
03.	KAMARULZAMAN & ASSOCIATES B6-1, Jalan Tun Ismail 1 Sri Dagangan Kuantan Kuantan
04.	WAN NADZIR & CO B24, Tingkat 2, Jalan Tun Ismail 1 Kuantan
05.	KHAIRUDDIN & RAKAN ENTERPRISE No.19 A, Tingkat 2, Lorong Tun Ismail 9 Kuantan
06.	SKMN ASSOCIATES A 15-2, Lorong Tun Ismail 10 Sri Dagangan, Kuantan
07.	ZULKEPLI & CO A9-1A, Sri Dagangan Lorong Tun Ismail 6 Kuantan
08.	AZLAN AZIZ & PARTNERS A5, Tingkat 1, Kuantan Avenue Jalan Beserah 25230 Kuantan, Pahang



**MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN
TAHUNAN KALI KE 36**

KERTAS BILANGAN 10

Skop dan Had Pelaburan Bagi
Tahun 2026

28 JUN 2025
GEO RESORT & HOTEL
GENTING HIGHLANDS

KERTAS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE 36
KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR BERHAD

SKOP DAN HAD PELABURAN BAGI TAHUN 2026

Lembaga Pengurusan ingin memaklumkan bahawa menurut Akta Koperasi 1993 Seksyen 54:

PELABURAN WANG

- (1) Tertakluk kepada undang-undang kecilnya, sesebuah koperasi berdaftar boleh melaburkan wang lebihannya dalam:
 - (a) Mana-mana sekuriti yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia atau mana-mana sekuriti lain yang diluluskan oleh Suruhanjaya;
atau
 - (b) Syer mana-mana koperasi lain.
- (2) Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam peraturan-peraturan, tiada koperasi berdaftar boleh melabur wang lebihannya dalam:
 - (a) Bon atau debentur mana-mana koperasi lain;
 - (b) Sekuriti mana-mana syarikat atau mana-mana pertubuhan perbadanan yang didaftarkan di Malaysia, selain yang dinyatakan dalam Subseksyen (1);
 - (c) Subsidiarinya; atau
 - (d) Apa-apa cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Dengan ini Lembaga Pengurusan ingin mencadangkan pada Mesyuarat Agung memberi kelulusan pada Lembaga Pengurusan Koperasi untuk membuat pelaburan tidak melebihi daripada **RM10 juta** dengan syarat kajian terperinci hendaklah dibuat sebelum sesuatu pelaburan dilaksanakan.

Bagi maksud pelaburan wang lebihan koperasi akan digunakan untuk tujuan-tujuan berikut:

- (a) Memohon saham-saham terbitan baru atau yang telah tersenarai di Bursa Saham di Malaysia.
- (b) Memohon dari Kerajaan-Kerajaan Negeri, tanah bagi tujuan memajukan tanah-tanah tersebut untuk mendirikan rumah untuk anggota-anggota Koperasi.

- (c) Melabur dalam mana-mana syarikat yang berdaya maju setelah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
- (d) Melantik firma-firma stok broker (fund manager) yang boleh menguruskan pelaburan bagi pihak Koperasi dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengurusan.
- (e) Membuat apa-apa pelaburan dan sekuriti lain yang dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang termasuk bagi pelaburan wang amanah (Trust Fund).
- (f) Membeli tanah sahaja atau tanah dan bangunan.
- (g) Membuat apa-apa pelaburan yang berkaitan dengan pembangunan Teknologi Maklumat dan keperluan modal insan Koperasi bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kepada anggota.
- (h) Membuat pelaburan dalam pembangunan hartanah secara sendiri atau kerjasama dengan syarikat-syarikat yang berdaya maju.
- (i) Membuat pelaburan dalam pembangunan stesen minyak ke 2 serta mendapatkan "*dealership*" dari syarikat-syarikat minyak utama di Malaysia.

Cadangan pelaburan dalam pembangunan stesen minyak masih menjadi fokus pada 2026 kerana pemilihan syarikat minyak perlu dibuat dengan teliti untuk menjamin pelaburan yang dibuat adalah tepat dan aktiviti dapat dijalankan dengan lancar.

Lembaga Pengurusan ingin mendapatkan kelulusan Mesyuarat untuk mempelbagaikan pendapatan Koperasi dan tidak menumpukan semata-mata kepada pendapatan dari keuntungan pembiayaan dari anggota-anggota dan keuntungan dari simpanan tetap / pelaburan Al-Mudharabah dalam institusi-institusi kewangan sahaja.

Dengan ini, Lembaga Pengurusan ingin meminta kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke 36 yang bersidang pada 28 Jun 2025 supaya cadangan Lembaga Pengurusan dapat diterima dan semua pelaburan yang dibuat akan dilaporkan dalam Mesyuarat Agung kemudian.

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR BERHAD**



**MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN
TAHUNAN KALI KE 36**

KERTAS BILANGAN 11

Had Maksima Keterhutangan Bagi
Tahun 2025

28 JUN 2025
GEO RESORT & HOTEL
GENTING HIGHLANDS

KERTAS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE 36
KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR BERHAD

HAD MAKSIMA KETERHUTANGAN BAGI TAHUN 2026

1. TUJUAN

Kertas ini disediakan bagi mendapatkan kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke 36, selaras dengan peruntukan Undang-undang Kecil 32 (1)(m) mengenai had maksima keterhutangan Koperasi bagi tahun 2026.

2. LATARBELAKANG

KPKP masih mensasarkan untuk mengembangkan lagi aktiviti stesen minyak dengan membangunkan Stesen Minyak ke 2 di tanah milik KPKP di Kg. Ubai, Jalan Kuantan – Pekan.

Pada 2024, kajian kebolehlaksanaan projek telah dijalankan oleh beberapa jenama syarikat minyak tetapi setelah meneliti syarat-syarat yang ditetapkan KPKP memutuskan untuk tidak meneruskan dengan syarikat terbabit. Namun kini, pihak Petronas sedang membuat kajian kebolehlaksanaan di tanah tersebut dan peluang untuk mengembangkan aktiviti stesen minyak dibawah jenama Petronas semakin positif.

3. CADANGAN

Anggaran kos bagi projek tersebut dijangkakan melebihi RM5 juta dan tempoh pembangunan selama 2 tahun. Mengambil kira perkara-perkara tersebut Lembaga memutuskan untuk mendapatkan pembiayaan Tabung Modal Pusingan dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (TMP SKM) atau dari mana-mana institusi kewangan yang menawarkan pembiayaan yang kompetitif bagi melaksanakannya.

Setelah mengambikira pembiayaan yang sedia ada dan projek-projek yang akan dijalankan, Lembaga bersetuju mencadangkan had maksimum keterhutangan bagi tahun 2026 adalah sebanyak ***RM16 juta***.

4. PENUTUP

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke 36 yang bersidang pada 28 Jun 2025 dipohon membuat keputusan sama ada bersetuju dengan syor di atas ataupun sebaliknya.

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR BERHAD**



**MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN
TAHUNAN KALI KE 36**

KERTAS BILANGAN 12

J/K Menentusahkan Deraf Minit MAP
Kali Ke 36

28 JUN 2025
GEO RESORT & HOTEL
GENTING HIGHLANDS

KERTAS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE 36
KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR BERHAD

PERLANTIKAN JAWATANKUASA MENENTUSAHKAN DERAf
MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE 36

1. TUJUAN

Kertas ini disediakan bagi mendapatkan kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke 36, selaras dengan peruntukan Undang-undang Kecil 32 (1)(n) mengenai perlantikan satu Jawatankuasa bagi menentusahkan Deraf Minit Mesyuarat ini.

2. LATARBELAKANG

Berpandukan kepada Akta Koperasi 1993 dan Undang-undang Kecil KPKP, maka satu Jawatankuasa perlu dilantik mengikut perkara-perkara 32(1)(n) iaitu; Melantik suatu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang Perwakilan dan empat orang Anggota Lembaga untuk menentusahkan Deraf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan itu.

3. PENUTUP

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke 36 yang bersidang pada 28 Jun 2025 dipohon membuat perlantikan sebagaimana mengikut peraturan yang disebutkan di atas.

KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR BERHAD



**MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN
TAHUNAN KALI KE 36**

KERTAS BILANGAN 13

Usul-Usul Dari Lembaga dan
Kawasan

28 JUN 2025
GEO RESORT & HOTEL
GENTING HIGHLANDS

**MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE 36
KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR BERHAD**

USUL LEMBAGA

MENAIKKAN KADAR SUMBANGAN TABUNG KEBAJIKAN AM (AL ABRAR)

1. TUJUAN

Usul Lembaga ini dibentangkan bertujuan untuk mendapatkan kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke 36 berkaitan dengan cadangan menaikkan kadar sumbangan Tabung Kebajikan Am (TKA) atau Tabung Al Abrar. Sebagai makluman, usul ini telah dibentang di semua 22 kawasan perwakilan semasa Mesyuarat Agung Kawasan yang bersidang pada bulan April 2025 yang lalu.

2. LATARBELAKANG

Pada tahun 2015, kadar sumbangan TKA telah dinaikkan daripada RM5.00 kepada RM6.00 sebulan manakala kadar derma juga telah dinaikkan termasuk penambahan jenis-jenis derma yang telah diluluskan oleh Lembaga.

Bagi tempoh 2023, jumlah penerimaan sumbangan TKA adalah RM455,122.00 berbanding jumlah pengeluaran derma sebanyak RM348,911.00. Bagi tahun 2024 pula, jumlah penerimaan sumbangan TKA adalah RM455,618.00 berbanding jumlah pengeluaran derma sebanyak RM326,452.00.

Berpandukan kepada rekod tersebut, pengeluaran derma bagi anggota bersara adalah paling tinggi iaitu 70% daripada jumlah sumbangan diikuti meninggal dunia dan seterusnya bencana alam.

Selain daripada itu, sumbangan derma kepada anak-anak anggota melalui Tabung Pendidikan (Tarbiah) juga telah meningkat naik menyebabkan peruntukan untuk tabung tersebut habis dan terpaksa menggunakan Tabung Al Abrar.

3. CADANGAN

Berdasarkan kepada data-data tersebut, Lembaga KKP bersetuju mengemukakan usul untuk menaikkan kadar sumbangan daripada RM6.00 kepada RM10.00. Usul ini difikirkan wajar bagi mengimbangi semula jumlah penerimaan dan pengeluaran tabung.

Sekiranya kenaikan tersebut dipersetujui, dianggarkan kutipan TKA bagi tempoh sebulan adalah lebih kurang RM70,000.00. Lembaga berpandangan dengan tahap kecemerlangan anak-anak anggota yang semakin tinggi dan persaraan wajib anggota semakin meningkat, jumlah tersebut akan dapat menampung aktiviti TKA.

Lembaga juga telah menaikkan kadar beberapa jenis sumbangan disamping membuka kelayakkan permohonan kepada suami dan isteri yang sama-sama menjadi anggota memohon sumbangan untuk anak dan waris bagi kategori pendidikan dan juga khairat kematian. Kadar derma TKA akan dikaji semula agar seimbang dengan kedudukan kewangan tabung pada satu-satu masa.

4. RASIONAL KEPADA CADANGAN

Kesan langsung kenaikan kadar sumbangan dan derma yang tidak seimbang telah menyebabkan kedudukan kewangan TKA boleh meruncing. Setelah beberapa kali kajian semula kadar derma TKA dibuat, Lembaga berpandangan telah tiba masanya untuk menaikkan kadar sumbangan TKA bagi membolehkan aktiviti tabung berjalan dengan lancar.

Lembaga juga berpandangan, dengan kenaikan kadar sumbangan TKA tersebut, pelbagai bentuk derma lagi boleh diberikan disamping menambah-baik kadar derma sumbangan sedia ada.

5. PENUTUP

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KPKP Kali Ke 36 yang bersidang pada hari ini dipohon memutuskan sama ada menerima atau sebaliknya usul yang dikemukakan di atas.

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR BERHAD**



**MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN
TAHUNAN KALI KE 36**

KERTAS BILANGAN 14

Cadangan Pindaan Undang-undang
Kecil Koperasi

28 JUN 2025
GEO RESORT & HOTEL
GENTING HIGHLANDS

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR BERHAD**

**ATURAN-ATURAN KEANGGOTAAN
KAKITANGAN KONTRAK KERAJAAN**

Nama

1. (1) Aturan-Aturan ini adalah dinamakan Aturan-Aturan Keanggotaan Kakitangan Kontrak Kerajaan Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur Berhad.
- (2) Aturan-Aturan ini diwujudkan di bawah Undang-Undang Kecil 9(3) dan 45(2)(x) dan dikuatkuasakan selepas persetujuan Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi ini selaras dengan Peraturan-Peraturan Koperasi 2008.

Tafsiran

2. Dalam aturan ini melainkan tertentu maksudnya maka:-

“Agama” maknanya Agama Islam.

“Akta” maknanya Akta Koperasi 1993.

“Anggota” maknanya Anggota Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur Berhad.

“Anggota Kontrak” maknanya anggota Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur Berhad yang dilantik secara kontrak (“*contract of service*”) dengan mengguna pakai skim perkhidmatan, gred dan kadar gaji sebagaimana yang ditetapkan di dalam Perkhidmatan Awam Malaysia.

“Aturan” maknanya Aturan-Aturan Keanggotaan Kakitangan Kontrak Kerajaan Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur Berhad.

“Koperasi” maknanya Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur Berhad.

“Lembaga” maknanya Lembaga Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur Berhad.

“Undang-Undang Kecil” maknanya Undang-Undang Kecil Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur Berhad.

Tujuan

3. Tujuan aturan-aturan ini diwujudkan adalah untuk membolehkan kakitangan kerajaan yang dilantik secara kontrak ("*contract of service*") menjadi anggota Koperasi seterusnya mendapatkan kemudahan dan melaksanakan segala hak, kewajiban dan liabiliti sebagai seorang anggota sebagaimana yang terkandung di dalam Undang-undang Kecil dan Aturan-aturan Koperasi.

Syarat Permohonan

4. Maka syarat keanggotaan adalah seperti berikut:-

- (1) Permohonan menjadi anggota hendaklah dibuat dalam borang rasmi Koperasi ini dan dialamatkan kepada setiausaha Koperasi atau pegawai Koperasi yang dipertanggungjawabkan sebagaimana perkara 12 dan membayar fi masuk sebanyak RM5.00 (Ringgit: lima) sebagaimana perkara 13(1) Undang-undang Kecil Koperasi.
- (2) Pengesahan yang jelas tentang terma-terma perkhidmatan termasuk tempoh dan tamat kontrak hendaklah diperolehi, disah dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan pemohon.
- (3) Permohonan menjadi anggota hendaklah dipertimbangkan oleh Lembaga dalam mesyuaratnya yang boleh menerima atau menolak sesuatu permohonan itu sebagaimana perkara 15 Undang-undang Kecil Koperasi.

Syarat Keanggotaan

5. (1) Menjelaskan bayaran RM200.00 (Ringgit: dua ratus) syer minima sebagaimana perkara 60(1) Undang-undang Kecil Koperasi.
- (2) Membuat bayaran yuran bulanan sekurang-kurangnya RM30.00 (Ringgit: tiga puluh) sebulan sebagaimana perkara 61(1) Undang-undang Kecil Koperasi.
- (3) Menjelaskan apa jua bentuk sumbangan yang perlu untuk Tabung-tabung Kumpulan Wang bagi aktiviti-aktiviti sebagaimana perkara 9(2) Undang-undang Kecil Koperasi.

Manfaat Anggota Kontrak

6. Anggota Kontrak mempunyai hak untuk menggunakan produk dan perkhidmatan Koperasi pada setiap masa dan layak untuk memohon pembiayaan tertakluk kepada dasar dan keputusan Lembaga.

Takrif

7. Jika timbul sebarang perbezaan takrif mengenai Aturan-Aturan ini, maka takrif Lembaga adalah muktamad.

Pindaan Kepada Aturan-aturan Ini

8. (1) Aturan-Aturan ini hendaklah dibaca bersama dengan Undang-Undang Kecil Koperasi dan Akta serta Peraturan-Peraturan.
- (2) Lembaga Koperasi ini, dengan persetujuan Mesyuarat Agung dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia bolehlah meminda sebarang peruntukan dalam aturan ini mustahak untuk memudahkan perjalanan dan pengurusan kumpulan wang ini.

Diakui inilah Aturan-Aturan yang dibentang dan diterima oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke _____ Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur Berhad bertarikh _____.

(PENGERUSI)

(SETIAUSAHA)

(BENDAHARI)